

BAB PERTAMA

BAB PERTAMA

KEDUDUKAN WANITA SECARA UMUM DARI PERSPEKTIF AL-QUR'ĀN DAN AL-SUNNAH

Pendahuluan:

Adalah dikirakan baik untuk memulakan perbincangan tentang status wanita dalam Undang-undang Jenayah Islam yang menjadi topik kajian ini dengan menghuraikan kedudukan wanita secara umum berdasarkan keterangan-keterangan yang diperolehi secara langsung dari al-Qur'ān dan al-Sunnah. Kerana mengikut metodologi penyelidikan hukum Islam atau lebih dikenali dengan istilah "Usūl al-Fiqh"¹ dalam apa kajian pun yang dibuat tentang hukum Islam, perhatian hendaklah terlebih dahulu diberikan kepada al-Qur'ān dan al-Sunnah. Dari kedua-dua sumber asasi hukum Islam inilah teori tentang hukum berkenaan perlu diambil dan diterima sebagai norma-norma tetap yang tidak akan berubah atau boleh juga disebut sebagai autoriti-autoriti yang tidak boleh dicabar. Sedangkan yang selain daripada itu tidak lebih dari huraian para fuqahā' yang banyak terikat, selain dengan al-Qur'ān dan al-Sunnah sendiri, dengan faktor-faktor subjektif

semasa dan setempat seperti nilai intelektual dan tahap kefahaman mujtahid dan faqīh itu sendiri, perkembangan ilmu semasa, budaya hidup dan persekitaran yang ada dan sebagainya.

Sehubungan dengan hakikat ini bab tentang kedudukan wanita dari perspektif al-Qur'ān dan al-Sunnah ini dianggap sebagai teori yang mendasari kajian secara keseluruhannya dalam tesis ini. Kerana yang akan menjadi persoalan pokok dalam huraiān-huraian selanjutnya nanti ialah apakah pandangan-pandangan para fuqahā' dalam hal-hal yang berkenaan sebagaimana akan dianalisis nanti merupakan penjelasan secara langsung kepada isi nās-nās al-Qur'ān dan al-Sunnah atau sebaliknya lebih merupakan huraiān-huraian lanjut yang telah diwarnai oleh ijtihad mereka sendiri.

Adalah diharapkan, berdasarkan metode ini penganalisan pandangan-pandangan para fuqahā' nanti akan berjalan dengan lancar dan rumusan-rumusan yang berasaskan kepada nilai-nilai semasa dan setempat boleh dibuat dalam bentuk penemuan-penemuan kajian yang bernilai akademik dan bersifat praktikal dan boleh merupakan sumbangan yang tertentu kepada perkembangan ilmu sebagaimana yang dijelaskan.

Pandangan Islam Mengenai Wanita

Dari segi bahasa, perkataan wanita digunakan untuk mengertikan lawan kepada lelaki. Mengikut Kamus Dewan,² perkataan wanita adalah suatu ungkapan halus yang memberikan erti orang perempuan, iaitu lawan kepada lelaki.

Dalam bahasa Arab, iaitu bahasa rasmi Islam terdapat beberapa penggunaan kata yang memberi erti wanita atau orang perempuan. Perkataan-perkataan tersebut seperti al-unthā (الأنثى), al-mar'ah (المرأة) dan al-nisā' (النساء).

Mengikut kamus al-Munjid,³ al-unthā (الأنثى) ialah kata tunggal yang memberi erti lawan kepada perkataan "Lelaki". Pada asalnya perkataan al-unthā (الأنثى) ini adalah pecahan dari kata kerja "anutha" (أُنثَى) yang bererti lembut dan tidak keras. Jadi apabila perkataan al-unthā (الأنثى) digunakan untuk memberi erti orang perempuan atau wanita, iaitu lawan kepada orang lelaki, ia mungkin berdasarkan kepada kelembutan dan kehalusan kejadian kaum wanita itu sendiri. Ini berbeza dengan kaum lelaki yang dikatakan keras dan kasar sifatnya. Pengertian yang sama juga boleh dilihat dalam kamus

Lisān al-'Arab.⁴ Kata Ibn al-'Arabī: diertikan al-
Unthā (الأنثى) sebagai perempuan kerana ia lebih
lembut dari lelaki. Ini kerana perkataan al-unthā
(الأنثى) itu berasal dari kata kerja annatha
(أنت) yang bererti lembut.³

Begitu juga dalam bahasa Arab perkataan al-mar'ah
(المرأة) digunakan untuk memberi erti orang
perempuan atau wanita. Mengikut kamus al-Munjid,⁶ ia
bererti sedap dan enak. Mungkin atas asas pengertian
inilah maka perkataan al-mar'ah (المرأة) digunakan
untuk memberi erti orang perempuan atau wanita. Kerana
ia sesuatu yang sedap dan mengenakkan, samada dari segi
percakapan atau bentuk tubuh badannya, sebagaimana
sedap dan enaknya sesuatu makanan.

Sebagaimana perkataan al-unthā (الأنثى) dan
perkataan al-mar'ah (المرأة) digunakan untuk
memberi erti orang perempuan atau wanita, begitu juga
dengan perkataan al-nisā' (النساء). Dalam
bahasa Arab al-Nisā' juga digunakan untuk pengertian
tersebut. Mengikut Ibn Manzur⁷ perkataan al-nisā'
(النساء) atau al-niswān (النسوان) atau
juga al-nuswān (النسوان) adalah kata nama jamak
bagi perkataan al-mar'ah (المرأة), iaitu kata
jamak yang tidak diambil dari kata tunggalnya.

Mengikut kebiasaan yang berlaku dalam bahasa Arab, kata jamak adalah dibentuk dari kata tunggalnya. Walau bagaimana pun penggunaan bukan kata tunggal seperti ini bukanlah suatu yang ganjil. Ia banyak berlaku dalam bahasa Arab.

Berasaskan kepada huraiān di atas, dapat dibuat kesimpulan bahawa dalam Islam penggunaan istilah-istilah seperti al-mar'ah, al-unthā dan al-nisā' untuk pengertian orang perempuan atau wanita adalah berasaskan kepada konsepnya yang khusus seperti kelembutan dan kehalusan sifat kejadiannya, atau keenakan dan daya penarik pada dirinya samada pada bentuk tubuh badannya atau percakapannya yang menyeronok dan menyedapkan.

Istilah Wanita Dalam al-Qur'ān dan al-Sunnah

Dalam al-Qur'ān penggunaan istilah al-nisā' (النساء), al-unthā (الأنثى) dan al-mar'ah (المرأة) untuk pengertian wanita atau orang perempuan adalah banyak sekali. Antara ayat-ayat yang menggunakan istilah tersebut ialah firman Allah s.w.t. yang berbunyi:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رِبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُم مِّنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ
وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجًا لَّكُمَا كَثِيرًا وَنِسَاءً

النساء ٤ : ١

Maksudnya:

"Wahai sekalian manusia, bertakwalah kamu kepada tuhan kamu yang telah menciptakan kamu dari seorang diri, dan daripadanya Allah s.w.t. telah menciptakan isterinya; dan daripada kedua-duanya Allah memperkembang biakkan lelaki dan perempuan yang banyak."

(al-Nisā' 4: 1)

Dalam ayat diatas perkataan "al-nisā'" (النساء) memberi erti perempuan-perempuan, iaitu lawan kepada perkataan "rijālā" (رجال) yang disebut sebelum itu yang memberi erti lelaki. Dalam bahasa Arab perkataan "Rijāl" (رجال) ialah kata jamak kepada perkataan "Rajul" (رجل) yang memberi erti orang lelaki, iaitu lawan kepada orang perempuan.⁸

Penggunaan yang sama untuk pengertian yang sama juga boleh dilihat dalam firman Allah s.w.t. yang berbunyi:

الرجال قوامون على النساء، بما فضل الله بعضكم على بعض
النساء : ٣٤

Maksudnya :

"Kaum lelaki itu adalah pemimpin bagi kaum wanita, oleh kerana Allah s.w.t. telah melebihkan sebahagian mereka (lelaki) atas sebahagian yang lain (wanita)."

(al-Nisā' 4: 34)

Mengikut Ibn al-'Arabī, ayat ini diturunkan sebagai jawapan kepada suatu kes yang berlaku di zaman Nabi Muhammad s.'a.w. Dalam kes tersebut, seorang perempuan telah datang mengadu bahawa suaminya telah menampar mukanya. Nabi terus membuat keputusan supaya dilaksanakan hukuman *qisāṣ*. Bagaimanapun sebuah ayat telah turun menahan Nabi s.'a.w. dari membuat keputusan sebelum wahyu tentangnya diturunkan. Nabi s.'a.w. menangguhkan keputusan yang dibuat sehingga turun ayat di atas.⁹

Dalam ayat lain pula Allah s.w.t. berfirman:

ولَا تَتَمَنُوا مَا فَضَّلَ اللَّهُ بِعْضَكُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ لِلرِّجَالِ
نَصِيبٌ مَا كَسَبُوا وَلِلنِّسَاءِ نَصِيبٌ مَا كَسَبْنَاهُنَّا
النساء : ٣٢

Maksudnya:

"Dan janganlah kamu iri hati terhadap apa yang dikurniakan Allah kepada sebahagian kamu lebih banyak dari sebahagian yang lain (kerana) bagi orang lelaki ada bahagian dari apa yang mereka usahakan, dan bagi para perempuan (pun) ada bahagian dari apa yang mereka usahakan."

(al-Nisā' 4: 32)

Dalam ayat di atas, istilah al-nisā' (النساء) telah digunakan dengan pengertian yang berbeza dengan istilah al-rijāl (الرجال). Kedua istilah tersebut digunakan bagi menjelaskan kedudukan hukum di antara kedua-duanya dalam hal-hal mengenai pusaka mengikut tafsiran Ibn 'Abbās dan dalam hal-hal mengenai dosa dan pahala mengikut tafsiran Qatādah.¹⁰

Al-Qurtubī dalam menjelaskan sebab penurunan ayat ini telah menyebut Qatādah sebagai berkata; bahawa di zaman jahiliyah kaum wanita dan kanak-kanak tidak boleh mewarisi harta pusaka. Apabila Islam datang dan menetapkan bahagian lelaki menyamai dua bahagian perempuan dalam masalah pusaka ini maka ramai dari kalangan wanita yang tidak berpuas hati dengan hukum ini dan mengharapkan supaya bahagian mereka sama dengan bahagian lelaki. Lalu turunlah ayat di atas.¹¹

Begitu juga istilah al-mar'ah (المرأة). Ia juga digunakan oleh al-Qur'an untuk pengertian secara umum. Firman Allah s.w.t. yang berbunyi:

وامرأة مؤمنة إن وهبتهن نفسها للنبي إن أراد النبي أن يستنكحها خالصة لك من دون المؤمنين .
الحزاب : ٥٠

Maksudnya :

"Dan perempuan mukminah yang menyerahkan dirinya kepada Nabi s.a.w. Kalau Nabi s.a.w. mahu mengahwininya sebagai pengkhususan bagimu, bukan untuk semua orang mukmin."

(al-Ahzab 33: 50)

Penggunaan istilah berkenaan dengan pengertian yang sama juga boleh dilihat dalam firman Allah s.w.t. yang berbunyi:

واسْتَهِدُوا شَهِيدَيْنَ مِنْ جَمِيعِكُمْ فَإِنْ لَمْ يَكُونَا رِجْلَيْنَ
فَرَجُلٌ وَامْرَأَتَانِ مَنْ تَرْضَوْنَ مِنَ الشَّهِدَاءِ
البقرة : ٢٨٢

Maksudnya :

"Dan persaksikanlah dengan dua orang saksi dari kalangan lelaki (diantara mu). Jika tidak ada dua orang lelaki maka (boleh) seorang lelaki dan dua orang perempuan dari saksi-saksi yang kamu redai."

(al-Baqarah 2: 282)

Ayat ini menjelaskan bahawa dalam keadaan ketiadaan saksi lelaki sebagaimana yang perlu dalam melakukan urusan kontrak maka persaksian boleh dibuat dengan seorang saksi lelaki dengan dua orang saksi perempuan.

Begitu juga dengan istilah *al-unthā* (الأنثى).
 Ia digunakan secara tepat untuk pengertian perempuan.
 Antara ayat-ayat yang menggunakan istilah ini ialah firman Allah s.w.t., yang berbunyi:

وَمِنْ يَعْمَلُ مِنَ الصَّالِحَاتِ مِنْ ذَكَرٍ أَوْ اُنْثَى وَهُوَ مُؤْمِنٌ
فَأُولَئِكَ يَدْخُلُونَ الْجَنَّةَ
النَّسَاءُ : ١٢٤

Maksudnya:

"Barangsiaapa yang mengerjakan amal-amal soleh, baik ia lelaki maupun wanita, sedang ia orang yang beriman maka mereka itu masuk ke dalam syurga."

(*al-Nisā'* 4: 124)

Dalam ayat lain Allah s.w.t. berfirman:

فَاسْتَجِابَ لَهُمْ رَبُّهُمْ أَفَلَا يُضِيعُ عَلَى عَامِلِيْمِنْكُمْ مِنْ ذَكَرٍ
أَوْ اُنْثَى
آل عِزْرَانٍ : ١٩٥

Maksudnya:

"Maka tuhan mereka memperkenankan permohonannya (dengan berfirman): "Sesungguhnya aku tidak mensia-siakan amal orang-orang yang beramal di antara kamu baik lelaki atau perempuan."

(*Āla 'Imrān* 3: 195)

Demikianlah beberapa contoh tentang penggunaan istilah-istilah al-nisā' (النساء) al-Mar'ah (المرأة), dan al-untha (الآنثى) oleh al-Quran untuk pengertian wanita atau perempuan.

Harus disebut di sini, bahawa pemakaian istilah-istilah tersebut digunakan untuk pengertian wanita dalam konsepnya yang umum. Walau bagaimanapun, istilah-istilah tersebut juga biasa digunakan oleh al-Qur'an untuk memberi erti wanita atas sifatnya yang khusus seperti wanita sebagai isteri. Hal seperti ini sering sahaja berlaku terutama sekali bagi istilah al-nisā' (النساء).

Antara ayat-ayat al-Quran yang menggunakan istilah al-nisā' (النساء) dan al-mar'ah (المرأة) untuk pengertian wanita secara lebih khusus iaitu isteri, ialah firman Allah s.w.t. yang berbunyi:

وإذا طلقت النساء فبلغن أجلهن فامسكون
بمعرف أو سحوهن بمعرف

البقرة: ٢٣١

Maksudnya:

"Apabila kamu menceraikan isteri-isteri kamu, lalu mereka mendekati akhir 'idahnya, maka rujuklah mereka dengan cara yang ma'ruf atau cerailah mereka dengan cara yang ma'ruf (pula)."

(al-Baqarah 2: 231)

Dalam ayat lain pula Allah s.w.t. berfirman:

نَسَّافُكُمْ حَرثٌ لَّكُمْ فَاتَّوْا حِرْثَكُمْ أَنِّي شَتَّمْ
البَقْرَةَ ۚ ۲۲۳

Maksudnya:

"Isteri-isterimu adalah (seperti) tanah tempat kamu bercocok tanam. Maka datangilah tanah tempat bercocok tanam mu itu bagaimana saja kamu kehendaki."

(al-Baqarah 2: 223)

Dan banyak lagi ayat-ayat yang memberi pengertian yang sama bagi istilah tersebut.

Begitu juga dengan istilah al-mar'ah, ia biasa juga digunakan oleh al-Qur'an untuk pengertian wanita dalam konteks yang lebih khusus iaitu sebagai isteri. Antara ayat-ayat yang memberi pengertian tersebut ialah firman Allah s.w.t. yang berbunyi:

وَإِنْ امْرَأَةً خَافَتْ مِنْ بَعْلِهَا نُشُونًا أَوْ مِاعِرَضًا فَلَا جُنَاحَ
عَلَيْهِمَا أَنْ يَصْلِحَا بَيْنَهُمَا صَلْحًا وَالصَّلْحُ خَيْرٌ

النساء: ١٢٨

Maksudnya:

"Dan jika seorang wanita khuatir akan nusyuz atau sikap tidak acuh dari suaminya, maka tidak mengapa bagi keduanya mengadakan perdamaian yang sebenar-benarnya, dan perdamaian itu lebih baik (bagi mereka)."

(al-Nisā' 4: 128)

Maksud perkataan "imra'ah" (امرأة) dalam ayat di atas ialah isteri, kerana ia dalam konteks membicarakan beberapa kemungkinan seperti pengabaian tanggungjawab dari pihak suami yang boleh menjelaskan hati dan perasaan isteri. Ini berdasarkan kepada sebab penurunan ayat ini, iaitu berpunca dari rasa bimbang Sawdah (salah seorang isteri Nabi Muhammad s.a.w.) kalau-kalau ia akan diceraikan oleh Nabi s.a.w. Lalu ia menawarkan hari-hari gilirannya untuk Aisyah r.a. sebagai langkah damai antara dia dengan Nabi s.a.w. agar Nabi tidak menceraikannya.¹²

Bagi memperkuatkan lagi pengertian ini, Sayyid Qutb dalam tafsirnya menjelaskan, "sekiranya seorang isteri bimbang diabaikan oleh suaminya sehingga menyebabkan berlaku perceraian iaitu suatu yang paling

dibenci oleh Allah s.w.t. atau membiarkan keadaannya tergantung, tidak sebagai isteri dan tidak juga sebagai orang yang diceraikan maka tidak salah bagi mereka untuk berdamai dan bertolak ansur dalam hak-hak isteri, seperti mengurangkan samada semua atau sebahagian dari nafkah isteri, atau memberikan hari gilirannya kepada madunya yang lain sekiranya isteri berkenaan bermadu. Ini boleh dilakukan oleh mana-mana isteri yang merasakan dirinya tidak lagi mampu untuk menarik perhatian atau memberi kepuasan kepada suaminya. Tindakan sebegini lebih baik dari bercerai.¹³

Suatu lagi contoh bagi penggunaan istilah yang sama untuk pengertian seperti di atas ialah firman Allah s.w.t. yang berbunyi:

صَرَبَ اللَّهُ مِثْلَ الَّذِينَ كَفَرُوا مَرْأَةٌ نُوحٌ وَامْرَأَةٌ لُوطٌ كَانَتَا
تَحْتَ عَبْدَيْنِ مِنْ عِبَارَنَا صَاحِبِيْنَ
الْتَّهْرِيمُ ١٠ :

Maksudnya:

"Allah s.w.t. membuat isteri Nūh dan isteri Lüt perumpamaan bagi orang-orang kafir. Kedua-duanya berada di bawah pengawasan dua orang hamba yang salah di antara hamba-hamba kami."

(at-Tahrīm 66: 10)

Sepertimana al-Qur'ān, al-Sunnah juga banyak sekali menggunakan istilah-istilah tersebut. Antara contoh hadis yang boleh disebut di sini ialah sabda Rasūlullah s.'a.w.:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قُيلَ لِرَسُولِ اللَّهِ (صَ) أَيُّ النِّسَاءِ خَيْرٌ؟ قَالَ: الَّتِي تَسْرُّعُ إِذَا نَظَرَتْ وَتَطْبِعُهُ إِذَا أُمِرَّ وَلَا تَخَالُفُهُ فِي نَفْسِهَا وَمَا لَهَا بِمَا يَكُونُ
- رواه النساء -

Maksudnya :

"Daripada Abū Hurayrah r.'a. berkata: Rasūlullah s.'a.w. ditanya: Wanita yang macam manakah yang baik? Jawab Rasūlullah s.'a.w.: yang mengembirakan apabila ia memandang dan taat apabila ia menyuruh serta tidak membantahnya samada tentang diri atau hartanya."

Al Hadīd

(Hadis riwayat al-Nasā'ī)¹⁴

Dalam hadis di atas perkataan "al-nisā'" (النساء) bermaksud isteri. Kerana al-Imām al-Sindi¹⁵ telah menghuraikan bahawa huruf "Hā'" pada perkataan "تسْرُّع" adalah bermaksud suami." Jadi erti hadis ini bahawa isteri yang baik ialah yang boleh mengembirakan suaminya apabila ia memandang dan seterusnya.

Dalam hadis lain Rasūlullah s.'a.w. bersabda:

تنكر النساء لاربع المالها وحسبها وبمحالها ولدينها
فاظفر بذات الدين . تربت يداك . - رواه النسائي .

Maksudnya :

"Biasanya perempuan itu dikahwini kerana empat perkara: Kerana hartanya, kerana keturunannya, kerana kecantikannya dan kerana ugamanya. Maka utamakan yang berugama, kamu akan selamat."

(Hadis riwayat al-Nasā'ī)¹⁶

Al-Hadīqah

Maksud perkataan "al-Nisā'" (النساء) dalam hadis ini berbeza dengan hadis sebelum ini. Kerana ia bermaksud wanita dalam sifatnya yang umum. Kerana ia menjelaskan kebiasaan seseorang dalam memilih wanita untuk dijadikan sebagai isteri sebagai yang dihuraikan oleh al-Imām al-Nawawi.¹⁷

Bagi perkataan "al-mar'ah" pula terdapat sabda Nabi s.a.w. yang berbunyi:

إِنَّ الدُّنْيَا مَتَاعٌ وَخَيْرُ مَتَاعِ الدُّنْيَا لِلْمَرْأَةِ الصَّالِحةِ
- رواه النسائي .

Maksudnya :

"Sesungguhnya dunia ini pada keseluruhannya keseronokan; dan sebaik-baik keseronokan ialah perempuan yang saleh."

(Hadis riwayat al-Nasā'ī)¹⁸

Perkataan "al-mar'ah" (المرأة) dalam hadis di atas bermaksud "wanita" secara umum.

Mengenai istilah "al-untha" (الائتى) pula terdapat hadis Nabi s.'a.w. yang berbunyi:

من كان له ائتى فلم يئدها ولم يهناها ولم يؤثر ولده عليها. قال: يعني الذكر - أدخله الله الجنة.
- رواه أبو داود -

Maksudnya:

"Sesiapa yang mempunyai anak perempuan dan tidak mengabaikannya serta tidak menghinanya juga tidak melebihkan anak lelakinya dari anak perempuannya itu maka Allah akan memasukkannya ke dalam syurga."

(Hadis riwayat Abū Dā'ūd)¹⁹

Begitulah beberapa contoh penggunaan istilah-
istilah al-nisā' (النساء), al-mar'ah (المرأة),
al-unthā (الائتى) yang diambil dari hadis-hadis
Rasūlullah s.'a.w.

Sebenarnya dalam al-Qur'ān penggunaan istilah-
istilah al-mar'ah (المرأة), al-nisā' (النساء)
dan al-unthā (الائتى) amat banyak sekali. Begitu
juga dengan al-Sunnah. Malah lebih jauh dari itu salah
satu dari surah al-Qur'ān menggunakan istilah al-Nisā'
yang memberi erti surah perempuan. Surah al-Nisā' ini

yang mengandungi 176 ayat adalah surah **Madaniyyah** mengikut pendapat sebahagian dari para 'ulamā' dan sebagaimana telah disahkan oleh al-Qurtubī.²⁰ Ia adalah surah yang terpanjang sesudah surah al-Baqarah.

Penamaan surah al-Qur'ān yang keempat ini sebagai "al-Nisā'" yang memberi erti perempuan atau wanita kerana dalam surah ini banyak dibicarakan hal-hal yang berhubung dengan wanita. Malah ia merupakan surah yang paling banyak membicarakan hal-hal mengenai wanita di banding dengan surah-surah al-Qur'ān yang lain. Surah lain yang juga banyak membicarakan tentang hal-hal mengenai wanita ialah surah "al-Talāq". Sehubungan dengan kedudukan ini surah "al-Nisā'" biasa juga disebut dengan "surah al-Nisā' al-Kubrā" (surah al-Nisā' (yang besar) sementara surah al-Talāq" pula disebut juga dengan "Surah al-Nisā' al-Sughrā" (Surah al-Nisā' yang kecil).

Secara umumnya terdapat lebih dari dua puluh surah dalam al-Qur'ān yang menyebut istilah "al-mar'ah" (المرأة), "al-unthā" (الْأُنثَى) dan al-nisā' (النِّسَاء). Antara surah-surah tersebut, selain dari dua surah yang disebut di atas ialah: al-Baqarah (البقرة), Ala 'Imrān (آل عمران), al-Mā'idah (المائدة), al-'A'rāf (الأعراف), al-Nūr (النور), al-Naml (النمل), al-Aḥzāb

(**الْأَحْزَاب**), al-Fath (**الفَتْح**), al-Hujurāt
 (**الْمُجَرَّاتِ**), Ibrāhīm (**إِبْرَاهِيمَ**), al-Qaṣāṣ
 (**الْقَصَصِ**), Ghāfir (**غَافِرٌ**), al-
 Mujādalah (**الْمُجَادَلَة**), Yūsuf (**يُوسُف**),
 al-Taḥrīm (**الْتَّحْرِيم**), Hūd (**هُودٌ**), al-'Ankabūt
 (**الْعَنْكَبُوتُ**), al-Hajr (**الْحَجَرُ**), al-Dzāriyat
 (**الْذَّارِيَاتِ**), al-Lahab (**الْلَّهَبُ**), Maryam
 (**مَرِيمٍ**), al-Ra'd (**الرَّعْدُ**), al-Nahl
 (**الْخَلُّ**), Fātir (**فَاطِرٌ**), Fussilat
 (**فَصْلَتِ**) dan al-Najm (**النَّجْمُ**).

Dalam surah-surah tersebut didapati perkataan atau istilah-istilah berkenaan disebut dengan banyak dan berulang kali, samada dalam surah yang sama atau surah yang berlainan.

Berikut disenaraikan penggunaan istilah-istilah tersebut oleh al-Qur'an dengan dicatatkan kekerapan ia digunakan.²¹

(1) Perkataan "al-unthā" (**الْأُنْثَى**) atau "al-ināth" (**الْإِنْاثَ**).

Dalam surah al-Baqarah: 1 kali, ayat 178.

Dalam surah Āla-'Imrān: 3 kali, ayat 36,
36 dan 195.

Dalam surah al-Nisā' : 2 kali, ayat 124
dan 117.

Dalam surah al-Ra'd : 1 kali, ayat 8

Dalam surah al-Nahl : 2 kali, ayat 58,
dan 97

Dalam surah Fātiḥah : 1 kali, ayat 11

Dalam surah Ghāfir : 1 kali, ayat 40

Dalam surah Fussilat : 1 kali, ayat 47

Dalam surah al-Hujurāt: 1 kali, ayat 13

Dalam surah Najm : 3 kali ayat 21,
27 dan 45.

Dalam surah al-Qiyāmah: 1 kali, ayat 39.

Dalam surah al-Lail : 1 kali, ayat 3

Dalam surah al-Sāffāt : 1 kali, ayat 150

Dalam surah al-Zukhruf: 1 kali ayat 19

Dalam surah al-Isrā' : 1 kali, ayat 40

Dalam surah al-Syūrā : 2 kali, ayat 49
dan 50.

(2) Perkataan "al-mar'ah" (المرأة)

Dalam surah al-Baqarah: 1 kali, ayat 282

Dalam surah Āla 'Imrān : 2 kali, ayat 35
dan 40

Dalam surah al-Nisā' : 2 kali, ayat 12 dan
128

Dalam surah Yūsuf : 3 kali, ayat 21, 30
dan 51

Dalam surah al-Naml : 2 kali, ayat 23 dan
57

Dalam surah al-Qasās : 2 kali, ayat 9 dan
23

Dalam surah al-Aḥzāb : 1 kali, ayat 50

Dalam surah al-Tahrim : 3 kali, ayat 15, 15
dan 11

Dalam surah Hūd : 2 kali, 71 dan 81

Dalam surah al-`Ankabūt: 2 kali, ayat 32 dan
33

Dalam surah al-`A'rāf : 1 kali, ayat 83

Dalam surah al-Hajr : 1 kali, ayat 60

Dalam surah al-Dzariyāt: 1 kali, ayat 29

Dalam surah al-Lahab : 1 kali, ayat 4

Dalam surah Maryam : 2 kali, ayat 5
dan 8

(3) Perkataan "al-nisā'" (النساء)

Dalam surah al-Baqarah: 9 kali, ayat 222,
231, 232, 235, 236, 99, 223, 178 dan 226.

Dalam surah Āla `Imrān: 4 kali, ayat 14,
42, 61 dan 61.

Dalam surah al-Nisā' : 19 kali, ayat 1, 3, 4, 7, 11, 19, 22, 24, 33, 34, 43, 75, 98, 127, 129, 176, 15, 23 dan 23.

Dalam surah al-Mā'idah: 1 kali, ayat 6.

Dalam surah al-'A'rāf : 3 kali, ayat 81, 141 dan 127.

Dalam surah al-Nūr : 3 kali, ayat 31, 60 dan 31.

Dalam surah al-Naml : 1 kali, ayat 53.

Dalam surah al-Ahzāb : 5 kali, ayat 30, 32, 52, 55 dan 59

Dalam surah al-Fath : 1 kali, ayat 25.

Dalam surah al-Hujurāt : 1 kali ayat 11

Dalam surah al-Talāq : 2 kali, ayat 1
dan 4

Dalam surah Ibrāhīm : 1 kali, ayat 6

Dalam surah al-Qasāṣ : 1 kali, ayat 4

Dalam surah Ghāfir : 1 kali, ayat 25

Dalam surah al-Mujādalah: 2 kali, ayat 2
dan 2.

Mengenai al-Sunnah pula, secara umumnya terdapat beratus-ratus hadis yang mengandungi istilah-istilah tersebut. Oleh kerana ia terlalu banyak maka tidak perlu disenaraikan dalam kajian ini satu persatu. Memadailah dengan hadis-hadis yang disebut sebelum ini

sebagai contoh kepada penggunaan tersebut.

Hukum Mengenai Wanita Dalam Al-Qur'ān Dan Al-Sunnah

Seperti yang disebut di atas, terdapat lebih dari dua puluh surah dalam al-Qur'ān dan beratus-ratus hadis Nabi s.'a.w. yang membicarakan hal-hal mengenai wanita dalam aspek hukum yang berbagai-bagai. Ini adalah suatu bukti kepada perhatian khusus yang diberikan oleh Islam terhadap wanita dan sekaligus menjelaskan bahawa Islam tidak sekali-kali mengabaikan mereka, samada sebagai seorang manusia dan khalifah Allah s.w.t. di muka bumi ini atau sebagai seorang manusia dan anggota masyarakat.

Secara umumnya, hukum-hukum mengenai wanita yang boleh dilihat peruntukannya dalam al-Qur'ān dan al-Sunnah boleh dibahagikan kepada beberapa aspek. Antaranya:

1. Aspek Kejadian Dan Kemanusiaan

Al-Qur'ān di dalam menghuraikan tentang asal-usul kejadian manusia menjelaskan bahawa mereka samada lelaki atau perempuan adalah sama, iaitu berasal dari satu kejadian yang bernama Adam. Kedua-dua jenis

manusia ini sama-sama berperanan dalam melahirkan generasi manusia. Lelaki berperanan sebagai bapa, manakala wanita pula berperanan sebagai ibu. Ini dijelaskan oleh Allah s.w.t. dalam firmanNya yang berbunyi:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُم مِّنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ
وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَ مِنْهَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً

النساء : ١

Maksudnya:

"Wahai sekalian manusia, bertakwalah kamu kepada Tuhanmu yang telah menciptakan kamu dari seorang diri dan daripadanya Allah telah menciptakan isterinya, dan daripada keduanya Allah memperkembang biakan lelaki dan perempuan yang banyak."

(al-Nisā' 4: 1)

Ayat di atas menceritakan tentang asal usul kejadian manusia. Mereka diciptakan dari diri yang satu iaitu Adam.²² Kemudian dari diri yang satu itu Allah s.w.t. menciptakan pula pasangannya. Dari kedua mereka lahirnya generasi manusia yang banyak, lelaki dan wanita dalam corak bangsa dan puak yang berbagai-bagai.

Dalam mentafsirkan ayat di atas, Sayyid Qutb dalam tafsirnya²³ telah mengemukakan beberapa hakikat yang terkandung di dalamnya. Antaranya ialah hakikat bahawa kaum wanita dari segi fitrah kejadian dan kemanusiaan serta tabiatnya adalah berasal dari diri yang pertama iaitu Adam 'a.s. Ia dicipta oleh Allah s.w.t. untuk dijadikan isteri kepada Adam a.s. bagi meneruskan kesinambungan generasi manusia lelaki dan wanita. Berasaskan kepada hakikat ini tidak ada perbezaan di antara kedua mereka. Apa yang berbeza hanyalah dari sudut persediaan dan tanggungjawab antara keduanya.

Kenyataan dari al-Qur'an sudah cukup untuk menolak beberapa gambaran negatif dan tidak tepat mengenai wanita, seperti menganggap mereka sebagai kotor dan najis serta punca kepada segala keburukan dan kejahatan. Berhubung dengan hakikat ini Sayyid Qutb selanjutnya mengulas, sesungguhnya kaum wanita ialah manusia yang diciptakan untuk manusia, diri yang dicipta untuk diri dan bahagian pelengkap kepada bahagian yang lain. Kedua-dua lelaki dan perempuan bukan sebagai dua yang serupa, tetapi sebagai dua yang sepasang yang saling lengkap melengkapi antara satu sama lain.²⁴

Dalam ayat lain yang hampir sama maksud pengertiannya Allah s.w.t. berfirman yang berbunyi:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِّنْ ذَرَّةٍ وَجَعَلْنَاكُمْ شَعُوبًا وَقَبَائلٍ لِتَعْرِفُوا بِإِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاكُمْ

الْجَرَاثٌ ۚ ۱۳

Maksudnya :

"Wahai manusia, sesungguhnya kami menciptakan kamu dari seorang lelaki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah s.w.t. ialah orang yang paling bertakwa di antara kamu."

(al-Hujurāt ۴۹: ۱۳)

Ertinya, wahai manusia yang bermacam jenis dan warna, berbagai puak dan bangsa, sesungguhnya kamu dari asal yang satu, maka janganlah kamu berpecah belah, bermusuh-musuhan dan berjauh-jauhan. Sesungguhnya kamu dijadikan demikian untuk kamu saling kenal mengenal dan berkerjasama antara satu sama lain.

Penegasan al-Qur'an tentang wujudnya nilai kemanusiaan yang sama di antara lelaki dengan wanita ini diperkuat lagi oleh penegasan al-Sunnah. Sabda

Nabi s. 'a.w.:

إِنَّمَا النِّسَاءُ شَقَائِقُ الرِّجَالِ
رَوَاهُ أَحْمَدُ وَأَبُو دَاوُدَ وَالْتَّرمِذِيُّ وَغَيْرُهُمْ

Maksudnya :

"Sesungguhnya wanita adalah saudara kandung kepada lelaki."

J. Hatt.

(Hadis riwayat Ahmad, Abū Dā'ūd, al-Tirmidzī dan lain-lain)²⁵

Sesungguhnya pengiktirafan Islam terhadap persamaan nilai kemanusiaan antara lelaki dan wanita melahirkan beberapa cabang hukum yang lain. Antaranya menamakan lelaki sebagai bapa dan wanita sebagai ibu. Segala hukum dan pengajaran al-Qur'ān tentang kedudukan mereka sebagai ibu dan bapa dan segala pesanan-pesanan supaya berbuat baik kepada kedua mereka adalah kesan dari apa yang ditegaskan oleh al-Qur'ān tentang asal usul kejadian manusia itu sendiri. Firman Allah s.w.t. dalam hal ini:

وَاعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئاً وَبِالْوَالِدِينَ

احسانا

النساء: ٣٦

Maksudnya :

"Sembahlah Allah, dan janganlah kamu mempersekuatukannya dengan sesuatu pun. Dan berbuat baiklah kepada dua orang ibubapa."

(al-Nisā' 4: 36)

Bahkan bukan setakat itu penegasan al-Qur'an tentang persamaan yang seharusnya diberi kepada lelaki dan wanita sebagai ibu dan bapa, malah lebih jauh dari itu al-Qur'an menjelaskan bahawa beban yang dipikul oleh seseorang ibu lebih berat dan tidak terpikul oleh seorang bapa. Firman Allah s.w.t. dalam hal ini:

ووصيَّنا الإنسَانَ بِوالديه حملَتْه أُمُّهُ وَهُنَّ عَلَى وَهْنٍ
وَفَضَالَهُ فِي عَامَيْنِ
لِقَانٌ، ۱۴

Maksudnya :

"Dan kami perintahkan kepada manusia terhadap dua orang ibubapanya, ibunya telah mengandungnya dalam keadaan lemah yang bertambah-tambah dan menyusunya dalam dua tahun."

(Luqmān 31: 14)

Mungkin kerana beban berat yang ditanggung oleh seorang wanita dan tidak pernah ditanggung oleh seorang lelaki, maka Rasūlullah s.a.w. apabila ditanya oleh seorang lelaki dalam sebuah hadis yang berbunyi:

جاء رجل إلى النبي (ص) فقال: من أحق بحسن صحابتي
 يارسول الله؟ قال: أمك. قال الرجل: ثم من؟ قال: أمك
 قال: ثم من؟ قال: أمك. ثم قال: ثم من؟ قال: أبوك
 - رواه البخاري -

Maksudnya:

"Seorang lelaki telah datang kepada Rasūlullāh s. 'a.w. dan berkata: Siapakah yang paling berhak untuk saya berbuat baik kepadanya? Jawab Rasūlullāh s. 'a.w. Ibu kamu. Tanya lelaki lagi: Kemudian siapa? Jawab Rasūlullāh s. 'a.w.: Ibu kamu. Kemudian tanya dia lagi: Jawab Rasūlullāh s. 'a.w. bapa kamu."

al-Hadīth

(Hadis riwayat al-Bukhārī)²⁶

Dalam menjelaskan maksud hadis di atas al-'Asqalānī menyebut bahawa Ibn Battal telah berkata bahawa berbuat baik kepada ibu seharusnya tiga kali ganda lebih dari berbuat baik kepada bapa. Ini kerana ibu melaksanakan tiga perkara yang tidak pernah dilaksanakan oleh bapa, iaitu mengandung, melahirkan anak dan menyusukannya, kemudian bersama-sama dengan bapa mendidiknya.²⁷ Inilah yang dimaksudkan oleh al-Qur'ān dalam pesanannya kepada manusia supaya berbuat baik kepada ibubapa mereka.

Walaupun terdapat berbagai pandangan telah diberikan oleh para 'ulamā' dalam masalah siapa yang seharusnya diutamakan dalam berbuat baik di antara mereka, namun suatu hakikat yang tidak dinafikan bahawa kedua mereka harus dihormati dan ditaati. Kerana gandingan dan kerjasama dari kedua mereka, di mana satunya bersifat lelaki dan bergelar bapa dan satu lagi bersifat perempuan dan bergelar ibu, lahirnya generasi manusia yang banyak, sepetimana yang dijelaskan oleh al-Qur'ān dari surah al-Nisā' ayat 1, yang disebut sebelum ini.

Sesungguhnya penghormatan dan ketaatan yang dituntut oleh Islam terhadap kedua ibubapa ini adalah hasil dari pengiktirafannya terhadap nilai kemanusiaan yang sama di antara mereka, kerana kedua mereka berasal dari jenis yang satu.

Zakiah

2. Aspek Beragama Dan Beramal *Şalih*

Sejauh yang boleh difahami mengenai persamaan nilai kejadian dan kemanusiaan di antara lelaki dan wanita ialah mereka sama-sama diberi akal fikiran, kesedaran dan kefahaman. Oleh kerana itu dalam menjalani hidup sehari-hari sebagai manusia, kaum wanita juga mempunyai tanggungjawab yang tersendiri, sama

seperti kaum lelaki, samada yang berkaitan dengan diri, ibadat, rumahtangga dan juga masyarakat.

Dari sudut beragama dan beramal *sālih*, kaum wanita sama dengan kaum lelaki. Masing-masing layak dan dituntut berbuat demikian. Masing-masing akan dipertanggungjawabkan sepenuhnya dengan setiap kebaikan dan keburukan yang mereka lakukan. Firman Allah s.w.t. *berikut* mengenai hal ini:

وَمَنْ يَعْمَلْ مِنَ الصَّالِحَاتِ مِنْ ذَكَرٍ أَوْ نِسَاءٍ وَهُوَ مُؤْمِنٌ
فَأُولَئِكَ يَدْخُلُونَ الْجَنَّةَ وَلَا يُظْلَمُونَ نَقِيرًا -النَّسَاءُ ١٢٤-

Maksudnya:

"Barangsiaapa yang mengerjakan amal-amal *sālih*, baik lelaki maupun wanita sedang ia orang yang beriman maka mereka itu masuk ke dalam syurga dan mereka tidak akan dianiaya walau sedikitpun."

(al-Nisā' 4: 124)

Ayat di atas menjelaskan bahawa syarat utama penerimaan amalan kebajikan seseorang, samada lelaki atau wanita ialah beriman dengan Allah s.w.t. Tanpanya amalan seseorang tidak bernilai. Gandingan iman dan amal *sālih* perlu bagi menjamin seseorang itu masuk syurga.²⁸ Jadi dengan apa yang ditegaskan oleh ayat di atas bolehlah difahami bahawa dari segi beragama kaum

wanita sama seperti kaum lelaki, tidak terlepas dari tuntutan-tuntutan supaya beriman dengan Allah s.w.t. dan mengerjakan amal salih.

Penegasan ayat ini diperkuatkan lagi oleh ayat-ayat lain. Antaranya firman Allah s.w.t. yang berbunyi:

مِنْ عَمَلِ صَالِحٍ مَّا ذُكِرَ وَأُنْثٌ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنْخِينَهُ

حَيَاةً طَيِّبَةً وَلِنَجْزِيهِمْ أَجْرَهُمْ بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا

- النَّحْلُ : ٩٧ -

يَعْمَلُونَ

Maksudnya:

"Barangsiapa yang mengerjakan amal salih baik lelaki maupun perempuan dalam keadaan beriman, maka sesungguhnya akan kami berikan kepadanya kehidupan yang baik dan sesungguhnya akan kami beri balasan kepada mereka dengan pahala yang lebih baik dari apa yang telah mereka kerjakan."

الْجَعْل
(al-Nahl 16: 97)

Sayyid Qutb dalam tafsirnya²⁹ menghuraikan bahawa mengikut kaedah bahasa Arab perkataan "Man" (من) yang disebut pada permulaan ayat di atas sudah meliputi lelaki dan wanita. Namun untuk memperkuatkan lagi hakikat ini Allah s.w.t. menyebut pula dengan katanya "من ذُكِرَ وَأُنْثٌ" yang bererti "samada lelaki atau wanita". Ini merupakan suatu penegasan

yang dibuat oleh Allah s.w.t. terhadap penerimaan amalan seseorang dan pembalasan yang akan diberikan kepada mereka. Ia sama sekali tidak diasaskan kepada perbezaan jenis atau jantina, tetapi sebaliknya berdasarkan kepada amalan *ṣalih* yang disertai dengan keimanan serta keikhlasan kepada Allah s.w.t. Ini adalah suatu hakikat yang jelas dan tidak dipertikaikan lagi.

Sesungguhnya setiap mereka akan dipertanggungjawab sepenuhnya dengan amalan yang dilakukan. Firman Allah s.w.t.:

لِرِجَالٍ نُصِيبُ مَا كَسَبُوا وَلِلنِّسَاءِ نُصِيبُ مَا كَسَبْنَاهُنَّا
النِّسَاءُ ۚ ۲۲

Maksudnya:

"*Bagi lelaki ada bahagian dari apa yang mereka usahakan dan bagi wanita (pun) ada bahagian dari apa yang mereka usahakan.*"

(*al-Nisā' 4: 32*)

Al-Qurtubī dalam tafsirnya³⁰ telah menghuraikan maksud ayat di atas bahawa bagi setiap kebaikan atau kejahatan yang dilakukan oleh lelaki atau wanita ada ganjarannya. Malah mengikut apa yang ditafsirkan oleh Qatādah bahawa bagi setiap satu kebajikan yang mereka lakukan menyamai sepuluh kebajikan. Ini sama dengan

apa yang ditegaskan oleh Nabi s.a.w. dalam hadisnya yang berbunyi:

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرَى أَنَّهُ سَمِعَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّدَ اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ :
إِذَا أَسْأَلَ الْعَبْدَ حَسْنَةً إِلَّا مَا يَكْرَهُ اللَّهُ عَنْهُ كُلُّ سَيِّئَةٍ
كَانَ زَلْفَهَا . وَكَانَ بَعْدَ ذَلِكَ الْقَصَاصُ : الْحَسْنَةُ بَعْشَرَ
أَمْثَالُهَا إِلَى سَبْعَةِ أَعْدَادٍ . وَالسَّيِّئَةُ بِمُثْلِهَا إِلَّا أَنْ
يَتَجَوَّزَ اللَّهُ عَنْهُ

رواه البخاري

Maksudnya :

"Dari Abū Sa'īd al-Khudrī bahwa dia mendengar Rasūlullāh s.a.w. bersabda: Apabila telah Islam seorang hamba dan memperelokkan Islamnya, maka Allah akan menghapuskan segala kejahatan yang telah dilakukan. Dan sesudah itu dia akan dibalas: Satu kebaikan yang dilakukan dengan sepuluh kebaikan sehingga tujuh ratus kali ganda. Dan satu kejahatan dengan satu kejahatan yang sama dengannya; kecuali Allah s.w.t. memaafkannya."

(Hadis riwayat al-Bukhārī)³¹

Perkataan "al-'Abd" (العَبْد) dalam hadis di atas, sebagaimana yang diuraikan oleh al-'Asqalānī meliputi lelaki dan wanita.³² Ertinya mana-mana hamba samada lelaki dan wanita akan dibalas mengikut apa yang dilakukan.

Malah lebih jauh dari itu, dalam soal amal kebijakan dan kejahatan yang menyentuh dosa pahala ini, tidak siapapun yang boleh mengambil tempat orang lain sebagai penggantinya. Satu contoh yang jelas diberikan oleh al-Qur'ān dalam hal ini melalui firman Allah yang berbunyi:

ضَرَبَ اللَّهُ مِثْلًا لِّلَّذِينَ كَفَرُوا امْرَأةً نُوحٍ وَامْرَأةً لُوطًا كَانَتَا
تَحْتَ عَبْدَيْنِ مِنْ عِبَادِنَا صَاحِبَيْنِ. فَخَانَتَا هَاهُا فَلَمْ يَغْنِيَ عَنْهُما
مِنَ اللَّهِ شَيْئًا. وَقِيلَ دُخُلُّ النَّارِ مَعَ الدَّاخِلِينَ. وَضَرَبَ اللَّهُ
مِثْلًا لِّلَّذِينَ آمَنُوا امْرَأَةً فَرْعَوْنَ إِذْ قَالَتْ رَبُّ ابْنَ لِي عِنْدَكَ بَيْتًا
فِي الْجَنَّةِ وَنَجَنَى مِنْ فَرْعَوْنَ وَعَلَهُ وَنَجَنَى مِنْ قَوْمَ الظَّالِمِينَ

الْتَّهْرِيمُ : ١٠ - ١١

Maksudnya:

"Allah s.w.t. menjadikan isteri Nūh dan isteri Lut sebagai contoh bagi orang-orang kafir. Kedua-duanya berada di bawah pengawasan dua orang hamba yang salih di antara hamba-hamba Kami. Lalu kedua isteri itu berkhianat kepada kedua suaminya. Maka kedua suaminya tidak dapat membantu mereka sedikitpun dari (siksa) Allah s.w.t. dan dikatakan (kepada keduanya): Masuklah ke neraka bersama-sama orang yang masuk (neraka). Dan Allah s.w.t. menjadikan isteri Fir'aun contoh bagi orang-orang yang beriman, ketika ia berkata: Ya tuhanku! bangunkanlah untuk ku sebuah rumah di sisi mu dalam syurga dan selamatkanlah aku dari Fir'aun dan perbuatannya dan selamatkanlah aku dari kaum yang zalim."

(al-Tahrim 66: 10 - 11)

Dalam huraian kepada ayat di atas, al-Qurtubī berkata bahawa contoh yang diberikan oleh Allah s.w.t. itu adalah sebagai peringatan kepada manusia bahawa tidak siapa pun dapat menyelamatkan seseorang dari azab Allah s.w.t. Walaupun saudara atau keluarga sendiri.³³ Ini jelas dari kedudukan isteri Nabi Nūh yang bernama Waliyah dan isteri Nabi Lüt yang bernama Wali'at. Kedua-dua isteri berkenaan telah mengkhianati agamanya dengan berlaku kufur, atau mengikut satu pendapat lain mereka telah bersikap munafik.³⁴

Walau apapun juga pandangan yang diberikan oleh para mufassirin (ahli tafsir) mengenai bentuk atau jenis pengkhianatan terhadap agama yang telah dilakukan oleh kedua-dua wanita berkenaan namun apa yang penting dalam hal ini ialah kedudukan Nūh dan Lüt sebagai Nabi yang mulia di sisi Allah s.w.t. tidak boleh menjamin isteri masing-masing untuk terlepas dari azab Allah s.w.t. Apa yang sebenarnya dapat menjamin seseorang *itu terlepas dari* azab Allah s.w.t. ialah ketaatan terhadapNya. Ini terbukti melalui contoh kedua yang diberikan oleh Allah s.w.t. dalam ayat berkenaan iaitu isteri Fir'aun yang bernama Āsiah binti Muzāhim yang cekal dan sabar menghadapi segala tindakan Fir'awn terhadapnya sesudah mengetahui ia beriman kepada Allah s.w.t. Walaupun dalam menjelaskan

bentuk tindakan yang dilakukan oleh Fir'aun terhadap isterinya itu terdapat berbagai-bagai pendapat juga namun yang penting dalam hal ini ialah keimanan seseorang itulah sebenarnya yang dapat menjaminnya menerima balasan syurga daripada Allah s.w.t., sebagaimana yang dibuktikan oleh Allah s.w.t. dengan menyelamatkan Asiah dan mengangkatnya ke syurga sesudah dibina sebuah rumah di dalamnya.³⁵

3. Aspek Ilmu Dan Intelektual

Dalam soal mencari ilmu dan membentuk diri supaya menjadi sebagai seorang intelek, Islam juga memberi hak dan peluang kepada kaum wanita, sama seperti yang diberikan kepada kaum lelaki. Ini kerana apabila Islam telah mengatakan bahawa mereka mempunyai tanggungjawab dari segi beragama sama seperti kaum lelaki maka tanggungjawab ini perlu dilaksanakan dengan sepenuhnya. Maka sekurang-kurang ilmu pengetahuan yang perlu dimiliki oleh seorang wanita ialah yang membolehkannya melaksanakan segala kewajipan agamanya iaitu yang disebut sebagai ilmu-ilmu wajib atau ilmu fardu 'ayn. Mungkin ilmu-ilmu inilah yang dimaksudkan oleh Nabi s.'a.w. dalam sabdanya yang berbunyi:

طلب العلم فريضة على كل مسلم . رواه ابن ماجه

Maksudnya:

"Menuntut ilmu wajib atas setiap muslim."

*(Hadis riwayat Ibnu Majāh)*³⁶

Mengenai hadis ini, Muṣṭafā al-Sibā'ī dalam bukunya al-Mar'ah Bayn al-Fiqh Wa al-Qānūn berkata,³⁷ bahawa dikalangan umat Islam hadis ini masyhur dengan penambahan perkataan "Muslimah" (مسلمة) di akhirnya, iaitu selepas perkataan "Muslim" (مسلم). Walaupun penambahan perkataan tersebut tidak sah di segi riwayatannya namun dari segi pengertian maknanya ia betul dan sah. Oleh kerana itu berdasarkan hadis ini maka para ulamā' bersepakat menyatakan bahawa kaum wanita juga dituntut supaya mencari ilmu pengetahuan sebagaimana yang dituntut ke atas kaum lelaki.

Bagi menegaskan lagi kesahihan hadis ini dari segi maknanya, al-Sibā'ī memetik pendapat al-Ḥāfiẓ al-Sakhawī dalam bukunya "al-Maqāsid al-Hasanah" sebagai berkata: Sesungguhnya sebahagian dari penyusun hadis telah menambah di akhir hadis berkenaan perkataan

"Muslimah". Walaupun dari segi turuq atau riwayatnya tidak disebut perkataan tersebut, namun dari segi maknanya adalah betul.³⁸

Oleh kerana itu mempelajari ilmu-ilmu yang berkaitan dengan agama secara khususnya seperti 'aqīdah, 'ibādat, ilmu-ilmu yang menyentuh soal halal dan haram dalam kehidupan beragama sehari-hari adalah menjadi kewajipan bersama antara kaum lelaki dan kaum wanita tanpa ada pengecualiannya.

Menegaskan kedudukan ini al-Imām Mahmūd Syaltūt dalam bukunya al-Islām 'Aqīdah Wa Syarī'ah menegaskan, dari segi memikul tanggungjawab agama dan keupayaan seseorang dalam melaksanakan tanggungjawab tersebut kami tidak dapat perbezaannya di antara kaum lelaki dengan kaum wanita. Malah kaum wanita lebih cepat memikul tanggungjawab berkenaan sebelum lagi ia dipikul oleh kaum lelaki. Ini kerana pencapaian umur kelayakan memikul tanggungjawab beragama, dari segi tabiat kejadian manusia lebih cepat di kalangan kaum wanita dari kaum lelaki. Ini kerana kaum wanita biasanya lebih cepat baligh dari kaum lelaki.³⁹

Dengan kenyataan ini boleh dibuat kesimpulan bahawa kaum wanita seharusnya lebih dahulu berhak dan diberi peluang mempelajari ilmu terutamanya yang

berkaitan khusus dengan soal-soal hidup beragamanya, lebih dari peluang yang diberikan kepada kaum lelaki. Walaupun secara yang lebih terperincinya terdapat beberapa tanggungjawab agama yang dikecualikan dari kaum wanita, seperti sembahyang jumaat, berjihad dan beberapa tanggungjawab lain, namun ini bukanlah bererti ia tidak berkelayakan untuk melaksanakannya. Malah segala pengecualian tersebut adalah sebagai keringanan kepadanya, yang terpaksa memberi penumpuan kepada beberapa tanggungjawab lain seperti mengurus rumah tangga dan menjaga anak-anak, di samping bertujuan menjauhkan dirinya dari penindasan kaum lelaki.

Selain dari hadis di atas, terdapat banyak lagi dalil-dalil lain dari al-Qur'an dan al-Sunnah yang menyamakan peluang mencari ilmu di antara lelaki dan wanita.

Antara ayat-ayat al-Qur'an mengenai hal ini ialah firman Allah s.w.t. yang berbunyi:

وَقُلْرَبِ زَدْ فِي عِلْمٍ
ط : ۱۱۴

Maksudnya:

"Dan katakanlah: Ya tuhanku, tambahkanlah kepadaku ilmu pengetahuan."

(Tāha 20: 114)

Dan firman Allah s.w.t. lagi:

فاطر ١٩

وَمَا يَسْتُوِي الْأَنْعَى وَالْبَصِيرُ

Maksudnya:

"Dan tidaklah sama orang yang buta dengan orang yang melihat."

(*Fatir* 35: 19)

Kedua-dua ayat di atas secara umum menjelaskan kelebihan ilmu dan orang yang berilmu,⁴⁰ dan secara tidak langsung menggalakkan manusia mencari ilmu dan menjadi orang yang berilmu.

Sementara dari al-Sunnah pula ialah sabda Rasūlullāh s.a.w. yang berbunyi:

... من سلك طریقاً یطلب به علمًا سهل الله له طریقاً

رواہ ابن خاری

إلى الجنة

Maksudnya:

"Sesiapa yang melalui mana-mana jalan kerana mencari ilmu maka Allah s.w.t. akan mempermudahkan kepadanya jalan untuk ke syurga."

(*Hadis riwayat al-Bukhārī*)⁴¹

Kesemua dalil-dalil di atas merupakan galakan kepada setiap orang, samada lelaki atau wanita supaya mencari ilmu pengetahuan dan membentuk diri menjadi seorang yang berilmu. Kerana ilmu pengetahuanlah yang dapat memandu seseorang ke arah mencapai kebaikan hidup dunia dan akhirat.

Walaupun kesemua dalil-dalil di atas tidak menyebut secara khusus tentang keperluan seorang wanita mencari ilmu, namun ini tidak bererti mereka terkeluar dari tuntutan dan galakan tersebut. Ini kerana mengikut apa yang dipersetujui oleh ahli perundangan Islam dan para mufassirin (ahli tafsir) bahawa mengikut kaedah bahasa Arab apa-apa arahan dari al-Qur'an atau al-Sunnah yang menggunakan lafaz umum maka ia akan meliputi lelaki dan wanita selagi tidak ada bukti yang mengeluarkan salah satunya dari maksud arahan tersebut.⁴² Contoh yang jelas dalam masalah ini seperti arahan mewajibkan sembahyang, zakat, puasa dan haji serta kewajipan-kewajipan lainnya, tidak ada satu pun dalam bentuk arahan khusus kepada kaum wanita, sedangkan dalam kewajipan-kewajipan tersebut kaum wanita sama-sama dituntut melaksanakannya.

Oleh kerana itu, dan sebagai memperkuatkan lagi galakan ini, Nabi s.a.w. dalam hadis lain telah bersabda yang berbunyi:

عن أبي بردة عن أبيه قال، قال رسول الله (ص) أيما رجل
 كانت عنده وليدة فعلمها فأحسن تعليمها وأدبها فأحسن
 تأديبها ثم اعتقها وتزوجها فله أجران

رواہ البخاری

Maksudnya:

Abu
"Dari Abu Burdah, dari ayahnya, katanya: telah bersabda Rasūlullāh s. 'a.w: Mana-mana lelaki yang mempunyai anak perempuan, lalu diberinya ilmu dengan sebaik-baiknya, dan dididiknya dengan sebaik-baik didikan, kemudian membebaskannya dan mengkahwinkannya, maka baginya dua ganjaran."

(Hadis riwayat al-Bukhārī)⁴³

Dalam huraianya mengenai hadis-hadis tentang pendidikan dan pelajaran kepada orang-orang perempuan, Ibn Ḥajar al-`Asqalānī menyebut:

"Adalah disayugiakan bagi pemerintah atau jenteranya berusaha memberi pelajaran kepada kaum wanita. Kerana itulah, sebagai pemerintah, Rasūlullāh mengkhususkan satu hari tertentu mengajar mereka sebagaimana yang diriwayatkan dalam hadis Abū Sa'īd al-Khudrī."⁴⁴

Melalui kata-katanya itu Ibn Ḥajar cuba menegaskan peri pentingnya pendidikan kaum wanita, dan bagaimana ia menjadi kewajipan pemerintah. Begitu juga

beliau ingin menekankan hak kaum wanita sendiri untuk menuntut hak atau faedah pendidikan berkenaan dari pemerintah. Berdasarkan kepada hak dan kewajipan inilah maka dalam sejarah Islam lahir ramai tokoh-tokoh utama wanita terutama sekali Umm al-Mu'minīn 'Ā'isyah sendiri yang selalu meminta Rasūlullah s.'a.w. mengajarnya.

Sesungguhnya keharusan yang diberikan oleh Islam kepada kaum wanita dalam soal mencari ilmu pengetahuan ini sebenarnya terlalu luas. Ia bukan sahaja terbatas kepada ilmu-ilmu yang disebut di atas iaitu yang biasa dinamakan sebagai *fardū 'ayn semata-mata*, malah termasuk juga ilmu-ilmu yang di sebut sebagai *fardū kifayah* yang menjadi keperluan masyarakat secara umum dan kaum wanita itu sendiri secara khusus. Ilmu-ilmu seperti kedoktoran, pendidikan dan lain-lain ilmu yang bersangkut rapat dengan kehidupan kaum wanita itu sendiri secara khusus dan kepentingan masyarakat secara umum, perlu dipelajari oleh kaum wanita yang diberi oleh Allah s.w.t. akal fikiran serta kebolehan untuk menceburi ilmu-ilmu berkenaan. Syaratnya segala peraturan syarak mengenai penglibatan wanita di luar rumah tangga di jaga dan dipatuhi dengan sebaik-baiknya.⁴⁵

Sehubungan dengan masalah ini, Dr. 'Abd al-Wāhid Wāfi dalam bukunya *al-Musāwāt fī al-Islām* telah menyebut bahawa sesungguhnya Islam telah memberi peluang yang secukupnya kepada kaum wanita untuk mendapat pendidikan yang tinggi. Sekiranya peluang ini diambil kesempatan oleh kaum wanita, mereka akan dapat menyaingi kaum lelaki dalam hal ini. Sesungguhnya apa yang menyebabkan kaum wanita dahulunya dikatakan bodoh dan tidak berilmu bukanlah disebabkan oleh sistem pendidikan Islam, tetapi sebaliknya berpunca dari penyelewengan umat Islam sendiri terhadap apa yang sebenarnya dikehendaki oleh sistem pendidikan Islam. Kata beliau lagi, apa yang dilakukan oleh umat Islam pada hari ini dengan membuka peluang kepada kaum wanita untuk menceburi bidang pendidikan secara lebih jauh dan mendalam bukanlah suatu ciptaan baru dalam Islam. Malah ia adalah suatu penghayatan semula terhadap sunnah Rasūlullāh s.'a.w. yang pernah digariskan oleh Baginda dan diterima oleh para Khulafā' sesudahnya.⁴⁶

4. Aspek Harta Dan Pemilikan

Dari aspek harta dan pemilikan juga, kedudukan wanita sama dengan kaum lelaki. Terdapat banyak peruntukan al-Qur'ān yang menjelaskan hak mereka dalam hal-hal yang berkaitan dengan harta. Islam juga

mengiktiraf kelayakan mereka untuk memiliki dan mengurus harta milik mereka sendiri. Segala sumber pemilikan harta seperti penerimaan pusaka, urusan perniagaan dan lain-lain lagi diperakukan juga oleh Islam kepada kaum wanita, tanpa melihat samada mereka masih kecil atau sudah besar, telah bersuami atau belum. Malah Islam juga mengakui keupayaan mereka untuk mengurus harta-harta berkenaan samaada secara sendiri atau melalui orang lain. Firman Allah s.w.t. yang berbunyi:

وإذا أردتم استبدال زوج مكان زوج وآتيم أحداً هن
قطاراً فلاتأخذونه شيئاً، أتاخذونه بيتاناً أو اثنا
مبيناً، وكيف تأخذونه وقد أفضى بعضكم إلى بعض وأخذن
منكم ميثاقاً على يدا

النساء: ٤٠١-٤٠٢

Maksudnya:

"Dan jika kamu ingin mengganti isterimu dengan isteri yang lain sedang kamu telah memberikan kepada salah seorang mereka harta yang banyak, maka janganlah kamu mengambil kembali daripadanya barang sedikitpun. Apakah kamu akan mengambilnya kembali dengan jalan tuduhan yang dusta dan dengan

(menanggung) dosa yang nyata. Bagaimana kamu akan mengambilnya kembali, padahal sebahagian kamu telah bergaul (bercampur) dengan yang lain sebagai suami isteri. Dan mereka (isteri-isterimu) telah mengambil dari kamu perjanjian yang kuat."

(al-Nisā' 4: 20 - 21)

Walaupun ayat di atas secara khususnya dalam konteks menjelaskan beberapa perkara mengenai perkahwinan, seperti kewajipan suami memberi mas kahwin dan larangan mengambil balik pemberian tersebut, namun ayat tersebut juga boleh digunakan sebagai bukti kepada hal-hal yang lebih umum.

Al-Jassās dalam tafsirnya *Aḥkām al-Qu'rān* menghuraikan ayat di atas dengan berkata bahawa mana-mana suami yang telah memberi keapda isterinya apa-apa pemberian tidak boleh mengambil balik pemberian tersebut, samaada pemberian tersebut dalam bentuk mas kahwin atau lainnya. Selanjutnya beliau menjelaskan, ayat di atas bukan khusus kepada kes-kes di mana suami berhasrat untuk menceraikan isterinya semata-mata, malah lebih umum dari itu, iaitu samada dengan tujuan tersebut atau dengan tujuan lain.⁴⁷

Secara umumnya ayat di atas menjelaskan bahawa harta milik seorang isteri, samada berupa hasil pemberian suaminya atau sebaliknya, tidak boleh diambil

oleh mana-mana orang termasuk suaminya sendiri tanpa kerelaannya sendiri. Kerana harta itu adalah miliknya yang sah. Hukumnya samalah dengan mengambil harta yang dimiliki oleh orang lain seperti mana yang terkandung dalam firman Allah s.w.t. yang berbunyi:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ إِلَّا أَنْ
تَكُونَ تَحْاجَةً عَنْ تَرَاضٍ مِّنْكُمْ النَّسَاءُ : ٢٩

Maksudnya:

"Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu memakan harta sesamamu dengan jalan yang batil, kecuali dengan jalan perniagaan yang berlaku dengan suka sama suka diantara kamu."

(al-Nisā' 4: 29)

Larangan ke atas suami dari mengambil balik apa-apa pemberian kepada isterinya ini diperkuatkan lagi oleh Allah s.w.t. dengan mensifatkan perbuatan itu sebagai suatu kezaliman dan pembohongan yang besar. Malah ia lebih buruk dari pendustaan.⁴⁸

Ayat di atas jelas menunjukkan bahawa Islam menghormati hak milik wanita dalam hal-hal mengenai harta kekayaan. Begitu juga Islam mengiktiraf keupayaan dan kelayakan mereka dalam pengurusan harta sepetimana yang diberikan kepada kaum lelaki. Menegaskan kedudukan ini al-Imām Maḥmūd Syaltūt menegaskan bahawa kami tidak dapati seorangpun dari

para fuqahā' Islam yang berpendapat bahawa segala nas yang berkaitan dengan urusan kehartaan hanya khusus untuk kaum lelaki sahaja dan tidak melibatkan kaum perempuan.⁴⁹

Dalam masalah harta pusaka, yang dalam Islam merupakan satu sumber pemilikan harta, kaum wanita tidak terkecuali dari diperuntukkan harta tersebut. Ini satu lagi bukti pengiktirafan Islam terhadap wanita dalam hal-hal kehartaan, tanpa melihat kepada statusnya samada sebagai ibu, isteri, anak, besar, kecil atau masih dalam kandungan. Semua mereka diberi peruntukan-peruntukan tertentu dan secara tersendiri oleh al-Qur'ān. Firman Allah s.w.t. mengenai perkara ini

للرجال نصيب ماترك الوالدان والأقربون وللنساء
نصيب ماترك الوالدان والأقربون مما قل أو كثُر نصيبا
مفروضا
النساء ٧

Maksudnya :

"*Bagi orang lelaki bahagian dari harta peninggalan ibubapa dan kerabatnya dan bagi wanita ada bahagian (pula) dari harta peninggalan ibubapa dan kerabatnya, baik sedikit atau banyak menurut bahagian yang telah ditetapkan.*"

(al-Nisā' A: 7)

Ayat di atas secara umum mewajibkan harta pusaka diberi kepada keluarga si mati samada lelaki atau perempuan. Ia diturunkan sebagai membatal apa yang berlaku di zaman jahiliyah, di mana kaum wanita dan kanak-kanak tidak mendapat apa-apa bahagian dari harta pusaka. Mengikut al-Qurṭubī,⁵⁰ ayat ini diturunkan sesudah kematian Aws Ibn Thābit al-Anṣārī. Ia meninggalkan seorang isteri bernama Kujjah dan tiga anak perempuan. Kesemua mereka tidak mendapat apa-apa dari harta peninggalan si mati kerana kesemua harta tersebut diberikan kepada dua orang anak saudara lelaki si mati bernama Suwaid dan 'Arfajah mengikut amalan jahiliyah. Isteri si mati telah pergi mengadu hal itu kepada Nabi s.'a.w. Sebagai jawapan kepada pengaduan tersebut ayat di atas telah diturunkan.⁵¹

Walaupun terdapat perbezaan nisbah peruntukan di antara lelaki dan wanita seperti yang dijelaskan oleh banyak nas^h al-Qur'ān,⁵² namun ia tidak bererti bahawa Islam telah mengurangkan hak wanita dalam masalah ini, atau telah merendahkan nilai kemanusiaannya.

Apa yang sebenarnya ialah wujudnya beberapa perbezaan dalam masalah ini tidak ada kena mengena dengan persamaan atau tidak nilai kemanusiaan antara lelaki dan wanita seperti ditegaskan oleh Islam.

Sebaliknya perbezaan tersebut diasaskan atas kepentingan-kepentingan semulajadi bagi kedua pihak dalam soal-soal kehidupan mereka terutama sekali yang menyentuh hal-hal kewangan dan kehartaan.

Dalam sistem Islam beban kewangan yang ditanggung oleh kaum lelaki tidak sama dengan yang ditanggung oleh kaum wanita. Dalam hal ini lelaki lebih banyak memberi daripada menerima. Antaranya memberi nafkah keluarga, termasuk isteri, anak-anak dan saudara mara. Begitu juga lelaki dikehendaki memberi mas kahwin kepada pihak perempuan sebagai hadiah perkahwinan. Lelaki juga dikehendaki memberi nafkah 'iddah dan mut'ah sekiranya berlaku perceraian, sepetimana yang terkandung dalam firman Tuhan yang berbunyi:

وللمطلقات متاع بالمعروف حقا على المتقين

٤٢١ : البقرة

Maksudnya:

"Kepada wanita-wanita yang diceraikan (hendaklah diberi oleh suaminya) mut'ah menurut yang ma'aruf; sebagai satu kewajipan bagi orang-orang yang bertakwa."

(al-Baqarah 2: 241)

Begitulah beberapa beban tanggungjawab yang terpaksa ditanggung oleh kaum lelaki, di samping beban-beban lain seperti untuk diri sendiri anak-anak dan

kaum keluarganya yang memerlukan sumbangan perbelanjaan darinya. Oleh kerana itu, apa yang jelas dalam masalah ini kaum wanita banyak berperanan atau bersifat sebagai penerima kewangan dari pihak lain. Di samping itu perempuan juga tidak memikul beban kewangan dalam hal-hal rumahtangga hatta untuk dirinya sendiri; walaupun dia seorang yang kaya raya. Kerana segala beban tersebut akan ditanggung semuanya oleh suami.

Berdasarkan kepada keadaan ini, kaum wanita lebih berasib baik walaupun bahagian yang diperuntukkan kepadanya dalam harta pusaka lebih sedikit dari bahagian lelaki. Kerana walaupun begitu bahagian yang diperolehinya itu akan tetap sebagai hak miliknya yang tidak terusik dan tidak boleh diusik oleh sesiapa juapun samada oleh suaminya, ayahnya atau sesiapa juakecuali dengan kerelaan dan keizinan darinya.⁵³

Menegaskan kewajaran sistem pembahagian pusaka Islam ini, Dr. Muṣṭafā al-Sibā'ī dalam bukunya *al-Mar'ah Bayn al-Fiqh Wa'l-Qānūn* berkata: "Sesungguhnya tidak ada ruang untuk menuntut persamaan mengenai pembahagian harta pusaka antara lelaki dan wanita, kecuali sesudah ada tuntutan persamaan tanggungjawab dan beban. Kerana itulah falsafah yang betul. Maka kita terpaksa samada menerima falsafah

tersebut keseluruhannya atau menolaknya sama sekali. Kita, sebagai umat Islam berpendapat falsafah Islam dalam masalah ini lebih betul dan lebih munasabah serta logik. Kerana ia lebih menjamin kepentingan keluarga, masyarakat dan seterusnya kaum wanita sendiri.⁵⁴

5. Aspek Keluarga

Dalam aspek keluarga juga kedudukan wanita sama dengan kaum lelaki. Banyak nasâ dari al-Qur'ân dan al-Sunnah yang menyentuh tentang kekeluargaan bermula dengan memperkatakan tentang kedudukan masing-masing lelaki dan wanita sebagai asas kepada pembentukan keluarga sehinggalah kepada soal-soal yang berkaitan dengannya seperti hak dan tanggungjawab, wasiat dan pusaka serta lain-lainnya. Kesemuanya melibatkan kaum lelaki dan wanita secara bersama tanpa ada pengecualian di antara mereka.

Suatu yang paling asas sekali dalam masalah ini ialah kedudukan dan perhubungan antara kaum lelaki dan kaum wanita sebagai orang yang sama-sama bertanggungjawab dalam membentuk dan melahirkan sebuah keluarga. Tanpa gandingan kedua mereka, rumah tangga dan keluarga tidak akan terbentuk. Antara ayat-ayat yang menerangkan hal ini ialah firman Allah

s.w.t. yang berbunyi:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبِّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُم مِّنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ

وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجًا لَّهُ مِنْهُمَا رَجُلٌ كَثِيرًا وَنِسَاءٌ

النَّسَاءُ : ۱

Maksudnya:

"Wahai manusia, bertakwalah kepada tuhan mu yang telah menciptakan kamu dari diri yang satu dan yang telah mencipta dari diri itu isterinya, dan daripada keduanya Allah memperkembangbiakkan lelaki dan perempuan yang banyak."

(al-Nisā' 4: 1)

Ayat di atas menjelaskan bahawa tunggak kehidupan manusia adalah keluarga. Adalah suatu yang telah dirancang oleh Allah s.w.t. bahawa ia mula terbentuk di muka bumi ini dengan satu keluarga iaitu dengan diciptanya Adam 'a.s. dan kemudian dicipta pula isterinya iaitu Hawa' dari dirinya sendiri. Maka dari kedua mereka terbentuklah satu keluarga yang kemudiannya membiakkan generasi manusia lelaki dan perempuan yang banyak di muka bumi ini.

Mengurai ayat ini, Sayyid Qutb menjelaskan bahawa sesungguhnya pembentukan keluarga yang pertama di muka bumi ini adalah hasil gandingan bersama suami

isteri yang bernama Ādām dan Ḥawā', di mana kedua mereka berasal dari diri yang satu, tabiat yang satu dan fitrah yang satu. Kesemua itu berlaku dengan kehendak Allah s.w.t. yang mengetahui segala sesuatu dan hikmahnya, walaupun ia mampu untuk mencipta rangkaian generasi manusia ini bermula dengan beberapa buah keluarga di peringkat awal lagi, namun itu tidak dilakukannya.⁵⁵

Begitulah penjelasan yang terkandung dalam ayat di atas yang menunjukkan bahawa kaum lelaki dan wanita itu sama-sama menjadi asas kepada perkembangan generasi manusia sejagat; suatu hakikat yang menjadikan manusia perlu lebih bertakwa kepada Allah s.w.t.

Persamaan antara lelaki dan wanita dalam aspek ini ditegaskan lagi oleh suatu ayat yang lain. Firman Allah s.w.t:

يَا يَهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُم مِّن ذَكَرٍ وَّأُنثَىٰ وَجَعَلْنَاكُم شَعُوبًا
وَقَبَائِيلَ لِتَعْرَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَانُكُمْ
الْحَجَرَاتُ، ١٣

Maksudnya:

"Hai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang lelaki dan seorang wanita, dan Kami menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal

mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah s.w.t. ialah orang yang paling bertakwa di antara kamu."

(al-Hujurāt 49: 13)

Ayat ini juga hampir sama maksudnya dengan ayat yang sebelum ini; di mana ia menjelaskan bahawa manusia ini diciptakan oleh Allah s.w.t. bermula dengan satu keluarga yang terdiri dari seorang lelaki dan seorang perempuan iaitu Ādam dan Hawā'. Kesemua itu berlaku dengan kehendak Allah s.w.t. yang mengetahui segala rahsia dan hikmahnya, walaupun Ia mampu untuk mencipta manusia ini tanpa gandingan bersama antara lelaki dan perempuan sebagaimana Dia mencipta Ādam a.s., atau tanpa gandingan lelaki sebagaimana Dia mencipta Nabi Isa a.s. atau tanpa gandingan perempuan sebagaimana Dia mencipta Hawā'. Namun apa yang berlaku dengan kehendakNya bahawa manusia ini dicipta dari gandingan lelaki dan wanita secara bersama, kesemuanya dengan tujuan mengerat dan memperkuuh ikatan sesama mereka, bermula dengan ikatan ketuhanan dan kemudian disusuli dengan ikatan kekeluargaan.⁵⁶

Malah, dalam suatu ayat yang lain al-Qur'ān menyebut secara yang lebih jelas lagi mengapa sebenarnya diwujudkan lelaki dan perempuan itu sendiri. Firman Allah s.w.t. yang berbunyi:

هُوَ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ، وَجَعَلَ مِنْهَا زَوْجًا لِيُسْكِنَ إِلَيْهَا. فَلَمَّا تَغْشَاهَا حَمَلَتْ حِمَلًا خَفِيفًا فَرَتْ بِهِ، فَلَمَّا أُتْقِلَتْ

دَعَوَ اللَّهَ رَبِّهِ مَا لَئِنْ أَتَيْتَنَا صَالِحًا لَنَكُونَنَا مِنَ الشَّاكِرِينَ
الْأَعْرَافُ، ١٨٩

Maksudnya:

"Dialah yang menciptakan dari diri yang satu, dan daripadanya Dia menciptakan isterinya, agar dia merasa senang kepadanya. Maka setelah dicampurinya, isterinya itu mengandung kandungan yang ringan dan teruslah dia merasa ringan (beberapa waktu). Kemudian apabila merasa berat keduanya (suami isteri) bermohon kepada Allah s.w.t. Tuhannya, seraya berkata: Sesungguhnya jika Engkau memberi kami anak yang salih, tentulah kami termasuk orang-orang yang bersyukur."

(al-'Arāf 7: 189)

Tujuannya ialah untuk mereka saling melengkapi antara satu sama lain bagi maksud melahirkan generasi manusia untuk membina hidup yang baik di dunia ini.

Walaupun dalam melaksanakan tugas hidup berkeluarga terdapat perbezaan antara lelaki dan wanita, namun perbezaan tersebut tidak lain kecuali untuk mereka lebih merasai ketenangan dan kerehatan dalam kehidupan mereka.

Di samping itu wanita juga mempunyai hak yang sama dengan lelaki di dalam keluarga. Firman Allah s.w.t.:

وَلَهُنْ مِثْلُ الَّذِي عَلَيْهِنَّ بِالْمَعْرُوفِ

البقرة : ٢٢٨

Maksudnya :

"Dan bagi mereka (perempuan) (hak) yang seimbang dengan (kewajipan) atas mereka secara yang makruf."

(al-Baqarah 2: 228)

Ayat di atas menjelaskan bahawa hak antara suami isteri terjalin dalam bentuk tukar ganti. Dengan erti bahawa setiap mereka akan mendapat hak setimpal dengan kewajipan yang mereka laksanakan. Dr. Nur al-din 'Atar dalam bukunya Mādzā 'An al-Mar'ah⁵⁷ telah berkata bahawa keseimbangan antara hak dan kewajipan yang diberikan kepada isteri berdasarkan kepada suatu keadaan yang sangat tinggi. Ia tidak wujud dalam mana-mana syariat juga samada syariat dari langit atau dari bumi. Kerana ia lebih menjamin keserasian antara suami isteri dalam aspek sosial dan tamadun, juga menjamin kerukunan hidup berkeluarga.

Al-Qurtubī pula menyebut Ibn 'Abbās berkata: "Saya akan berhias untuk isteri saya sepetimana dia berhias untuk saya, dan saya tidak suka mengambil kesemua hak saya atasnya, kerana dengan itu dia berhak mengambil kesemua haknya atas saya, kerana Allah s.w.t. telah berfirman: "Dan bagi mereka (hak) yang sama dengan (kewajipan) di atas mereka."⁵⁸

Menurut al-Tabarī pula, Isteri berhak memperolehi pergaulan dan layanan yang baik secara yang munasabah dari suami mereka sama seperti kewajipan taat terhadap suami yang ditentukan oleh Allah s.w.t. ke atas mereka.⁵⁹

Manakala Rāsyid Ridā dalam tafsirnya pula berkata:

"Ayat di atas meskipun ringkas mempunyai pengertian yang penghuraiannya memerlukan sebuah buku yang besar. Ia merupakan kaedah umum yang realistik bahawa wanita itu sama saja dengan lelaki dalam semua hak dan kewajipan kecuali dalam suatu perkara sahaja yang disebut oleh Allah s.w.t. iaitu para suami mempunyai suatu tingkat kelebihan daripada isterinya."⁶⁰

Mengulas lebih lanjut ayat di atas, Rāsyid Ridā menyatakan bahawa yang dimaksudkan dengan persamaan hak dan kewajipan di sini ialah segala hal yang boleh membawa kepada pencapaian objektif bersama, samada dalam bergaul, berurusn, bersikap, pengurusan rumahtangga dan sebagainya.⁶¹

Walau bagaimanapun persamaan yang menjadi prinsip utama kepada hubungan tersebut tidak menghalang para suami untuk diberi sedikit kelebihan, sebagaimana yang ditegaskan oleh Allah s.w.t. dalam firmannya yang berbunyi:

وَلِلرِّجَالِ عَلَيْهِنَّ دَرْجَةٌ
البَرْقَةُ : ٢٢٨

Maksudnya :

"Dan bagi lelaki ada satu darjah kelebihan atas mereka (perempuan)."

(al-Baqarah 2: 228)

Menurut Ibn al-'Arabī terdapat berbagai-bagai huraian diberikan oleh para ulamā' mengenai maksud "darjah kelebihan suami atas isteri". Antaranya ada yang menghuraikan dengan kelebihan dari segi harta pusaka, dan ada pula yang menghuraikan dengan kelebihan dari segi berjihad.⁶² Walau bagaimanapun dalam masalah

ini Ibn al-'Arabī telah memberi pandangannya sendiri dengan berkata, adalah lebih selamat jika seseorang itu berdiam pada perkara-perkara yang dia tidak tahu khususnya tentang apa-apa yang terkandung dalam al-Qur'ān.⁶³

Begitu juga dengan Abū Bakr al-Jassās telah memberi beberapa huraian mengenai maksud "Kelebihan" yang terkandung dalam ayat di atas. Antaranya:⁶⁴

1. Kelebihan suami sebagai pemimpin kepada isteri dan rumahtangga.
2. Kelebihannya sebagai orang yang perlu ditaati.
3. Kelebihannya sebagai orang yang boleh memukul isterinya jika isterinya nusyūz (derhaka)
4. Kelebihannya sebagai pemilik Talaq.
5. Kelebihannya boleh berkahwin lebih dari satu.
6. Kelebihannya mendapat bahagian lebih dari harta pusaka.
7. Kelebihannya sebagai orang yang perlu diikuti ke mana saja dia pergi.

Manakala al-Zamakhsharī pula menghuraikan kelebihan tersebut berdasarkan kepimpinan dan nafkah yang ditanggung oleh suami.⁶⁵

Walau bagaimanapun huraian al-Zamakhsyari ini, boleh dihurai secara lebih lanjut pada hari ini sebagai beban kekeluargaan yang lebih berat ditanggung oleh pihak suami. Ini bererti satu darjah yang lebih itu bukan bersifat keutamaan tetapi lebih bersifat peranan atau fungsi dalam rumah tangga, sebagaimana yang difaham dari firman Allah s.w.t. yang berbunyi:

الرجال قوامون على النساء بما فضل الله بعضهم على بعض
و بما اتفقا من أموالهم

Maksudnya:

"Kaum lelaki itu pemimpin bagi kaum wanita oleh kerana Allah s.w.t. melebihkan sebahagian mereka (lelaki) atas sebahagian yang lain (wanita) dan kerana mereka (lelaki) telah menafkahkan sebahagian dari harta mereka."

(al-Nisā' 4: 34)

6. Aspek Politik Dan Pentadbiran

Dengan melihat kepada peruntukan-peruntukan dari al-Qur'an dan al-Sunnah secara umumnya kaum wanita juga mempunyai hak yang sesuai dengan sifatnya dalam soal politik dan pentadbiran. Kerana tegaknya sebuah kerajaan dalam Islam adalah dengan gandingan bersama kaum lelaki dan wanita. Hak seperti ini telah diakui oleh Islam sebelum hijrah lagi iaitu apabila RasūlulLah

s.'a.w. menerima sumpah setia bay'ah wanita Islam pada waktu itu. Kemudian bay'ah tersebut telah diperakukan oleh al-Qur'an melalui firman Allah s.w.t. yang berbunyi:

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ إِذَا جَاءَكَ الْمُؤْمِنَاتِ يَبْأَسْعِنَكَ عَلَى الْاِشْرِكِ كَبِيرٌ
وَلَا يُسْرِقُنَّ وَلَا يُزَنِّنَ وَلَا يُقْتَلُنَّ أَوْ لَادْهَنَ وَلَا يَأْتِيَنَّ بِهَتَانٍ
يَفْتَرِينَهُ بَيْنَ أَيْدِيهِنَّ وَأَرْجُلِهِنَّ وَلَا يُعَصِّيَنَّكَ فِي مَعْرُوفٍ فَبِإِيمَنِهِنَّ
وَاسْتَغْفِرُ لَهُنَّ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ

المتحنة ، ۱۹

Maksudnya :

"Hai Nabi, apabila datang kepadamu perempuan-perempuan yang beriman untuk mengadakan janji setia, bahawa mereka tidak akan mempersekuatkan sesuatu upun dengan Allah, tidak akan mencuri, tidak akan berzina, tidak akan membunuh anak-anaknya, tidak akan berbuat dusta yang mereka adakannya antara tangan dan kaki mereka dan tidak akan mendurhakaimu dalam urusan yang baik, maka terimalah janji setia mereka dan mohonlah keampunan kepada Allah untuk mereka. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang."

(al-Mumtahanah 60: 12)

Ayat ini secara umumnya menegaskan bahawa kaum wanita mempunyai sifatnya yang tersendiri dalam masyarakat dan negara, sebagaimana ia telah menegaskan hak mereka dalam soal-soal sivil secara sepenuh dan terasing dari kaum lelaki.

Berasaskan kepada ayat di atas Rasūlullāh s.a.w. telah menerima janji setia kaum wanita secara tersendiri dengan tidak mengikat dengan apa-apa pandangan dari mana-mana lelaki. Ini menunjukkan kewibawaan kaum wanita dalam soal ini sama dengan kaum lelaki.

Kenyataan ini diperkuuhkan lagi dengan penegasan al-Qur'ān tentang tugas bersama antara mereka dalam membina dan membangun masyarakat yang baik. Firman Allah s.w.t:

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أُولَئِكَ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ

وَيَنْهَا عَنِ الْمُنْكَرِ

التوبه : ٧١

Maksudnya:

"Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, sebahagian mereka (adalah) menjadi penolong bagi sebahagian yang lain. Mereka menyuruh (mengerjakan) yang makruf dan mencegah dari yang mungkar."

(al-Taubah 9: 71)

Mengulas ayat ini, Dr. Fuad 'Abd al-Mun'im Ahmad telah memetik al-Syaykh Muhammad Rāsyid Ridā sebagai berkata, ayat tersebut muhakkamah. Ia menjelaskan, kaum lelaki dan wanita sama-sama berganding dalam

politik masyarakat atau negara. Kerana segalanya merupakan suruhan-suruhan kebaikan dan larangan-larangan dari kemungkaran. Ia kadang-kadang dibuat melalui undang-undang, ijtihad, penyelesaian, pelaksanaan dan arahan.⁶⁶

Contoh jelas bagi penglibatan wanita dalam soal politik dan pentadbiran negara boleh dilihat pada diri Umm al-Mu'minin 'Āisyah apabila beliau melibatkan diri dalam politik umat Islam. Antaranya dan yang terpenting dalam sejarah politik umat Islam ialah penyertaannya dalam tunjuk perasaan menentang 'Ali.

Begitu juga Umm Salāmah, Hind binti Abū Umayyah telah dianggap sebagai penasihat Rasūlullāh s.'a.w. Ini berikutan dengan pandangan yang diberikannya kepada Rasulullāh s.'a.w. semasa peperangan Hudaibiyyah. Begitu juga Khalīfah 'Umar Ibn al-Khaṭṭāb selalu mendapatkan pandangannya dan meletaknya di barisan para pembesar negara.⁶⁷

Seorang lagi tokoh wanita yang melibatkan diri dalam hal-hal politik di zaman Rasūlullāh s.'a.w. ialah Umm Hāni'. Semasa pembukaan kota Mekah beliau telah memberi perlindungan kepada salah seorang kafir, sedangkan Sayyidina 'Ali, abangnya ingin membunuh kafir

tersebut. Apabila soal itu dibawanya kepada Rasūlullah, baginda lebih menerima pandangan Umm Hāni' dari pandangan 'Ali. Ini adalah suatu bukti kepada pengiktirafan Rasūlullah terhadap pandangan kaum wanita dalam soal-soal pentadbiran dan kemasyarakatan.⁶⁸

Apabila Sayyidina 'Umar mengemukakan cadangannya supaya nilai maskahwin diturunkan, cadangan tersebut telah dibantah oleh seorang wanita Quraisy, sehingga 'Umar terpaksa menyetujui bantahan perempuan itu. Tindakan wanita berkenaan tidak mendapat apa-apa bantahan dari mana-mana pihak, walaupun dari kalangan kaum lelaki sendiri. Ini membuktikan satu *ijmā'sukūtī* dari kalangan mereka telah berlaku bahawa kaum wanita boleh menyertai soal-soal hidup dan politik secara lebih terbuka.⁶⁹

Sesungguhnya kaum wanita mampu untuk berhujjah dan memberi pandangan yang bernas, terutama sekali dalam soal-soal yang menyentuh diri mereka. Islam tidak pernah mengabaikan pandangan dari kaum wanita. Ini terbukti dari apa yang terjadi di antara Rasūlullah s.a.w. dengan seorang perempuan yang mengadu hal tentang suaminya yang melakukan *zihār* ke atasnya, sehingga menyebabkan turunnya ayat mengenai peristiwa tersebut. Firman Allah s.w.t:

قد سمع الله قول التي تجادلك في زوجها وتشتكي إلى الله والله
يسمع تجاوركم إن الله سميع بصير
المجادلة ، ١

Maksudnya :

"Sesungguhnya Allah telah mendengar perkataan wanita yang memajukan gugatan kepada kamu tentang suaminya dan mengadukan (halnya) kepada Allah, dan Allah mendengar soal jawab antara kamu berdua. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Melihat."

(al-Mujādalah 58: 1)

Turunnya ayat di atas disebabkan oleh bantahan dan rasa tidak puas hati seorang isteri yang bernama Khawlah binti Tha'labah mengikut satu riwayat atau Khawlah binti Khuwailid mengikut satu riwayat yang lain, atas jawapan yang diberikan oleh Nabi s.a.w. mengenai tindakan *zīhār* yang dilakukan oleh suaminya ke atas dirinya. Nabi s.a.w., secara berulang kali menegaskan bahawa pergaulan antara dia dan suaminya adalah haram. Manakala Khawlah juga secara berulang kali memberi beberapa alasan agar Nabi memberi jawapan yang sebaliknya. Akhir sekali dia berkata: "Aku akan mengadu kepada Allah s.w.t. akan kemiskinanku, kesunyianku, dan keadaan diriku. Sesungguhnya aku mempunyai anak-anaknya yang masih kecil. Sekiranya mereka diletak di bawah jagaanku, mereka akan lapar. Sebaliknya kalau mereka diletakkan di bawah jagaan

suamiku, mereka akan terabai. Sambil mengangkat kepalanya dia berkata: "Ya Allah! Sesungguhnya aku mengadu kepadamu! Maka turunlah ayat di atas.⁷⁰

Begitulah Nabi s.a.w. tidak pernah membelakangi pandangan kaum wanita, walaupun pandangan itu salah atau satu bantahan. Baginda tetap memberi layanan yang adil terhadapnya.

Hal yang sama berlaku pada zaman Khalifah 'Umar Ibn al-Khattāb. Pada suatu hari beliau telah ditahan oleh seorang perempuan yang kemudiannya berkata: kepada 'Umar "Wahai 'Umar! Tuan dulunya dipanggil ''Umair, kemudian dipanggil pula 'Umar dan akhirnya tuan dipanggil Amīr al-Mu'minīn. Bertakwalah tuan kepada Allah s.w.t. Sesungguhnya barangsiapa yang yakin dengan mati, dia akan takut luput waktunya, dan barangsiapa yang yakin dengan hari hisab dia takut akan 'azab." 'Umar terus berdiri mendengar kata-kata perempuan tersebut sehingga menyebabkan para sahabat yang mengikutnya berkata: "Apakah tuan sanggup berdiri untuk perempuan tua ini?" Jawab 'Umar: "Demi Allah! Sekiranya dia menahan ku dari awal siang hari hingga akhir siang aku akan tetap bersamanya kecuali untuk menunaikan salat fardū? Dialah Khaulah binti Tha'labah yang mana kata-katanya telah didengar oleh

Allah s.w.t. dari atas langit yang tujuh. Apakah Tuhan saja yang patut mendengar kata-katanya dan Umar tidak?"⁷¹

Sebagai kesimpulan dari huraian di atas, secara umum boleh dikatakan bahawa Islam menghormati pandangan dari kaum wanita dan tidak pernah sama sekali mengenepikannya, walau apa jua bentuknya samada yang menyentuh soal hidup dan kepentingan dirinya atau yang menyentuh soal-soal pentadbiran dan politik pemerintahan.

7. Aspek Sosial

Dalam aspek sosial, kaum wanita juga mempunyai hak untuk melibatkan diri dan melakukan kerja-kerja berkaitan dengannya yang sesuai dengan nilai-nilai kewanitaannya dan dalam batas-batas yang ditentukan oleh syarak. Ini kerana, dalam Islam, tempat sebenar bagi kaum wanita ialah dalam rumah. Fungsinya ialah sebagai pengurus rumah tangga dan segala hal yang berkaitan dengannya seperti menjaga kepentingan suami, anak-anak dan lain-lain. *(Sabda Nabi s.a.w:*

وَالْمُرْأَةُ رَاعِيَةٌ عَلَى بَيْتٍ وَهِيَ مَسْؤُلَةٌ
رواه البخاري

Maksudnya:

"Dan kaum wanita itu sebagai pengurus rumah tangga suaminya dan dia akan dipertanggungjawabkan."

(*Hadis riwayat al-Bukhārī*)⁷²

Dari al-Qur'ān pula, Firman Allah s.w.t.:

وَقُرْنَ فِي بُيُوتِكُنْ وَلَا تَرْجِنْ تَرْجِعَ الْجَاهِلِيَّةَ الْأُولَى
الْأَحْزَابٌ ۚ ۲۳

Maksudnya:

"Dan hendaklah kamu tetap di rumah mu dan janganlah kamu berhias dan bertingkah laku seperti orang-orang jahiliyah yang dahulu."

(al-Ahzāb 33: 33)

Al-Qurtubī dalam tafsirnya berkata, ayat di atas menyuruh kaum wanita supaya tetap berada di dalam rumah dan tidak keluar darinya kecuali atas sebab-sebab yang memerlukan.⁷³

Walaupun kedua-dua sumber hukum di atas menjelaskan tempat sebenar bagi kaum wanita ialah dalam rumah, namun ini tidak bererti mereka tidak dibenarkan keluar sama sekali. Sebaliknya mereka juga boleh berbuat demikian tetapi dengan syarat-syarat yang

disebut oleh al-Qur'ān sebagai tidak berhias dan bertingkah laku seperti orang-orang jahiliyah. Walaupun dalam memberi erti sebenar bagi maksud berhias dan tingkah laku jahiliyah terdapat berbagai-bagai huraiyan, namun kesemuanya merupakan batas-batas yang perlu dijaga oleh setiap wanita yang ingin melangkah keluar dari rumah tanggnya walau apapun jua tujuannya, hatta untuk beribadat sekalipun. Diriwayatkan dari 'Āisyah katanya:

"Sesungguhnya wanita-wanita mu'min menghadiri sembahyang subuh bersama Rasūlullāh s.'a.w. kemudian apabila mereka pulang, mereka berselubung dalam kegelapan sehingga mereka tidak dikenali."

(*Hadis riwayat al-Bukhāri*)⁷⁴

Penjelasan yang sama diberikan oleh Sayyid Qutb, katanya: Suruhan supaya kaum wanita tetap berada di dalam rumah tidak bererti mereka tidak dibenar keluar sama sekali. Apa yang difahami dari itu ialah bahawa rumah tangga ialah tempat sebenar bagi mereka, dan apa-apa yang selain dari itu adalah suatu pengecualian yang boleh diberi apabila diperlukan dan dengan kadar yang tertentu. Rumah tangga satu-satunya tempat yang menjamin nilai-nilai kewanitaan terpelihara seperti

yang dikehendaki oleh Allah s.w.t.⁷⁵

Menyentuh masalah ini, al-Syayh Muḥammad al-Ghazālī telah memberi pandangannya dengan berkata, Islam sebenarnya menolak adat sesetengah umat yang mengurung kaum wanitanya dalam rumah dan mengikat mereka dengan berbagai-bagai hak dan tanggungjawab, sebagaimana juga Islam menolak adat-adat yang menjadikan mereka sebagai makanan atau hidangan yang boleh dinikmati oleh sesiapa juga sesuka hati dengan membelakangkan segala hukum syari'at yang ditetapkan oleh Allah s.w.t. Sesungguhnya kaum wanita boleh bekerja di dalam rumahtangga atau di luarnya. Cuma apa yang diperlukan ialah jaminan agar masa depan keluarga terjaga dan terpelihara. Di samping itu diperlukan juga kepada suasana yang boleh menjamin diri wanita terpelihara dari segala fitnah semasa mereka menjalankan kerja-kerja berkenaan dan tidak melanggar segala batas-batas yang telah ditetapkan oleh Allah s.w.t. seperti tidak berhias, tidak mendedah aurat dan tidak bergaul secara bebas.⁷⁶

Pandangan yang sama juga diberikan oleh Dr. 'Ali 'Abd al-Wāḥid Wāfi dalam bukunya *al-Musāwāt fī al-Islām*⁷⁷ ketika menghuraikan keharusan wanita bekerja diluar rumah atau melakukan kerja-kerja sosial. Dalam

huraian tersebut beliau berkata, wanita boleh dan diharuskan baginya melakukan kerja-kerja kebajikan yang dia sendiri mampu untuk melakukannya dan yang sesuai dengan sifat kewanitaannya, dengan syarat penglibatan tersebut tidak menimbulkan apa-apa fitnah samada dari dirinya atau atas dirinya dan tidak menimbulkan apa-apa kemudaran samada dari segi sosial atau akhlak. Maka untuk tujuan itu dia seharusnya menjaga diri dengan mematuhi segala ketetapan hukum seperti mana yang dikehendaki oleh Allah s.w.t. seperti tidak berpakaian yang mendedahkan aurat dan tidak bergaul dengan bebas, dan yang paling penting sekali ialah penglibatannya itu tidak mengganggu tugas-tugasnya yang asasi iaitu rumah tangga, suami dan anak-anaknya.

Walaupun dalam membuat huraian dan pendetailan kepada kehendak sebenar batas-batas tersebut seperti batas pergaulan antara lelaki dan wanita, batas berpakaian, aurat dan fitnah, terdapat berbagai-bagai pandangan diberikan, namun percanggahan tersebut tidak menjaskan keperluan syarat-syarat tersebut.

Sesungguhnya Islam melarang pergaulan bebas antara lelaki dan wanita dan menyuruh mereka menjaga aurat masing-masing kecuali pada mereka yang ditentukan oleh Allah s.w.t. Firman Allah s.w.t:

قل للمؤمنين يغضوا من أبصارهم ويحفظوا فروجهم ذلك أذى
 لهم إن الله خبير بما يصنعون . وقل للمؤمنات يغضبن من
 أبصارهن ويحفظن فروجهن ولا يبدين زينتهن الاماظهر
 منها ولايضرن بخمرهن على جيوبهن ولا يبدين زينتهن إلا
 لبعولتهن أو آباءهن أو أباه، بعولتهن أو أبناه، هن أو أبناه
 بعولتهن أو أخوانهن أو بنى أخوانهن أو بني أخواتهن أو مملكت
 أيمانهن أو التابعين غير أولى الأربة من الرجال أو الطفل الذين لم
 يظهر واعلى عورات النساء ولا يضرن بأرجلهن ليعلم ما يخفين من زينتهن

Maksudnya :

"Katakanlah kepada orang lelaki yang beriman: Hendaklah mereka menahan pandangannya, dan memelihara kemaluannya yang demikian itu adalah lebih suci bagi mereka. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahuai apa yang mereka berbuat. Dan katakan kepada wanita yang beriman: Hendaklah mereka menahan pandangannya dan janganlah mereka menampakkan perhiاسannya kecuali yang (biasa) nampak daripadanya. Dan hendaklah mereka menutupkan tudung ke dadanya dan janganlah menampakkan perhiasan, kecuali kepada suami mereka atau ayah mereka atau ayah suami mereka atau putra-putra mereka dan putra-putra suami mereka saudara lelaki mereka atau putra-putra saudara lelaki mereka atau putra-putra saudara perempuan mereka atau wanita-wanita Islam atau budak-budak yang mereka miliki atau pelayan-pelayan lelaki yang tidak mempunyai keinginan (terhadap wanita) atau anak-anak yang belum mengerti tentang aurat wanita. Dan janganlah mereka memukulkan kaki mereka agar diketahui perhiasan yang mereka sembunyikan."

(al-Nur 24: 30-31)

Ayat di atas menjelaskan berbagai-bagai hukum yang berkaitan dengan hubungan antara lelaki dan perempuan dan bagaimana menjaga pandangan mata dan kehormatan diri di antara mereka. Menjaga aurat dan pandangan mata adalah suatu yang dituntut ke atas mereka kecuali pada mereka yang dibenarkan oleh Allah s.w.t. sebagaimana yang disebut dalam ayat yang di atas. Menurut al-Imām al-Qurtubī, walaupun Allah s.w.t. tidak menyebut dalam ayat berkenaan sesuatu yang dikatakan boleh menjamin terpeliharanya pandangan dan kehormatan diri, namun ia boleh diketahui berdasarkan adat dan kebiasaan.⁷⁸

Berdasarkan kedudukan hukum di atas, boleh dibuat kesimpulan bahawa kaum wanita boleh melibatkan diri dalam masyarakat untuk melakukan kerja-kerja kebajikan sosial yang sesuai dengan sifat kewanitaannya dan dalam batas-batas yang ditentukan oleh syarak walau apa jua bentuk kerja-kerja tersebut. Malah kerja-kerja seperti merawat, menyediakan makanan dan minuman kepada tentera dan kerja-kerja kebajikan lainnya pernah dilakukan oleh ramai wanita Islam zaman Nabi s.a.w.⁷⁹ Penyertaan mereka dalam beberapa peperangan, seperti yang ditunjukkan oleh Asma' binti Abī Bakr, Umaiyyah binti Qays al-Ghaffārī, al-Rubayyi' binti Mua'awidz, Umm 'Atiyyah dan lain-lain lagi adalah contoh yang jelas dalam masalah ini. Mereka melakukan kerja-kerja

kebijakan seperti merawat tentera yang luka atau cedera, menyediakan makanan dan minuman, menghantar pulang tentera yang terbunuh dan luka dan lain-lain lagi. Kata al-Rubaiyyi' binti Mu'awwidz:

"Kami pernah menyertai Rasūlullāh s.a.w. dalam peperangan, memberi minum dan berkhidmat kepada tentera, dan menghantar pulang mereka yang terbunuh dan luka ke Madinah."

(al-Bukhārī)⁸⁰

Walaupun tidak terdapat dalam al-Qur'ān ayat yang menjelaskan secara khusus mengenai keharusan wanita melibatkan diri dalam kerja-kerja di luar rumah, namun secara khusus juga tidak terdapat dalamnya ayat yang menafikannya. Sejauh yang ada dalam masalah ini ialah larangan-larangan dari berhias dan bertingkah laku seperti orang-orang jahiliyah dan suruhan-suruhan supaya menjaga aurat dan kehormatan diri. Mengulas maksud firman Allah s.w.t. supaya "Tidak berhias dan bertingkah laku seperti orang-orang jahiliyah" Sayyid Qutb berkata: iaitu sewaktu keluar dari rumah.⁸¹

8. Aspek Undang-Undang Dan Keadilan

Dalam aspek undang-undang dan keadilan juga kaum wanita mempunyai kedudukan yang sama seperti kaum lelaki. Segala peruntukan undang-undang dan keadilan

ditujukan juga kepada mereka samada sebagai suatu pembelaan atau sebagai suatu tindakan atas setiap perlakuan yang melibatkan dirinya.

Islam menyamakan kedudukan antara kaum lelaki dengan kaum wanita dalam hal-hal sivil, tanpa melihat kepada status mereka samada bersuami atau tidak. Perkahwinan dalam Islam tidak menghilangkan segala sesuatu dari kaum wanita. Walaupun sudah berkahwin mereka masih kekal atas namanya seperti dulu. Malah segala hak miliknya terus terpelihara dan tidak akan terusik. Begitu juga dengan kelayakannya untuk menguruskan segala hak miliknya itu tetap tidak hilang. Terdapat banyak peruntukan dari al-Qur'ān dan al-Sunnah yang memberi jaminan dalam hak ini. Antaranya firman Allah s.w.t. yang berbunyi:

وَلَا يَحِلُّ لَكُمْ أَن تَأْخُذُوا مَا آتَيْتُمُوهُنْ شَيْئًا - الْبَقْرَةِ : ٢٩٩

Maksudnya:

"Dan tidak halal bagi kamu mengambil kembali sesuatu dari yang telah kamu berikan kepada mereka."

(al-Baqarah (2) : 229)

Mentafsirkan ayat di atas al-Jassās berkata:
"ayat di atas melarang para suami dari mengambil balik apa yang diberikan kepada isteri-isteri mereka, kecuali

dengan cara yang baik. Maka difahami dari itu, mengambil sesuatu yang bukan berupa pemberian dari mereka juga tidak dibolehkan.⁸² Malah kata Dr. 'Abd al-Wāhid Wāfi, "Sekiranya seorang suami tidak diharuskan mengambil balik apa yang diberikan kepada isterinya, maka untuk mengambil sesuatu yang tidak berupa pemberiannya, lebih-lebih lagi tidak dibolehkan."⁸³

Dalam ayat lain pula Allah s.w.t. berfirman:

وَآتُوا النِّسَاءَ صَدَقَاتِهِنَّ خَلَةً . إِنْ طَبِينَ لَكُمْ عَنْ شَيْءٍ مِّنْهُ
نَفْسًا فَكُلُّهُ هُنْيَّا مَرِيًّا
النِّسَاءُ : ٤

Maksudnya :

"Berikanlah maskahwin (*mahar*) kepada wanita (yang kamu nikahi) sebagai pemberian dengan penuh kerelaan. Kemudian jika mereka menyerah kepada kamu sebahagian dari maskahwin itu dengan senang hati, maka makanlah (ambilah) pemberian itu (sebagai makanan) yang sedap lagi baik akibatnya."

(al-Nisā' (4): 4)

Arahan supaya maskahwin diberi kepada wanita dalam ayat di atas adalah ditujukan kepada para wali (penjaga). Ini berdasarkan kepada suatu tafsiran sebagaimana di sebut oleh al-Qurtubi dalam tafsirnya.

Kerana pada zaman jahiliyah, maskahwin perempuan tidak akan diberi kepadanya malah diambil oleh para wali, lalu turun ayat di atas melarang para wali dari berbuat demikian dan menyuruh mereka supaya menyerah maskahwin itu kepada wanita-wanita berkenaan.⁸⁴ Di samping itu ayat di atas juga menjelaskan bahawa memberi mas kahwin kepada para wanita yang ingin dikahwini itu adalah suatu kewajipan di mana para 'ulamā' telah sepakat kata mengenainya.⁸⁵

Dari dua ayat di atas jelas sekali bagaimana perlindungan undang-undang yang diberikan oleh Islam kepada wanita dalam hal-hal harta atau sivil. Segala hak mereka tetap dilindungi dan dijaga. Tidak boleh mana-mana pihak, walaupun suami atau wali atau keluarga mereka sendiri mengambil hak tersebut tanpa kerelaan mereka.

Malah lebih jauh dari itu Islam juga memberi hak kepada kaum wanita mengurus diri sendiri dan menentukan masa depannya secara yang baik. Ini boleh dilihat dengan jelas dalam hal-hal mengenai kekeluargaan atau perkahwinan. Terdapat banyak peruntukan khususnya dari al-Sunnah yang menjelaskan hak mereka dalam masalah ini. Tuntutan-tuntutan supaya mereka diminta izin untuk dikahwinkan adalah bukti jelas kepada hak mereka yang dilindungi. Sabda Nabi s.'a.w:

الثيْب أَحْقَبَنَفْسَهَا مِنْ وَلِيْهَا وَالْبَكْرُ تَسْتَأْذِنُ فِي نَفْسِهَا

رواه البخاري . وإذنها صفاتها .

Maksudnya :

"Wanita yang sudah berkahwin lebih berhak menentukan dirinya dari walinya manakala anak dara diminta izin untuk menentukan dirinya, dan izinnya itu adalah diamnya."

(*Hadis riwayat al-Jamā'ah kecuali al-Bukhārī*)⁸⁶

Secara umumnya hadis di atas menjelaskan bahawa dalam menentukan masa depan kaum wanita, pandangan mereka perlu diminta. Walaupun dalam menentukan sejauhmana keperluan tersebut perlu dilaksanakan terdapat berbagai huraian di kalangan para ulamā' dan ahli hukum, namun ia tidak menjaskankan keperluan meminta pandangan mereka secara umum. Suatu perkahwinan yang tidak dipersetujui oleh pihak perempuan boleh dibatalkan, sebagaimana yang berlaku kepada Khansā' binti Khidām al-Anṣāriyyah. Diriwayatkan dalam satu hadis yang berbunyi:

عن خنساء بنت خدام الأنصارية أن أباها زوجها

وهي ثيوب فكرهت ذلك . فأتت رسول الله (ص) فرد

نكاحها .

- رواه البخاري -

Maksudnya:

"*Dari Khansā' binti Khidām al-Ansāriyyah bahawa bapanya telah mengkahwinkan. Sedang dia seorang janda. Dia tidak suka perkahwinan itu dan datang kepada Rasūlullāh s.a.w. membuat aduan. Rasūlullāh s.a.w. lalu membatalkan perkahwinan tersebut.*"

(*Hadis riwayat al-Bukhārī*)⁸⁷

Walau bagaimanapun ini bukan bererti bahawa perkahwinan seperti itu tidak sah atau terbatal dengan sendirinya, tetapi sebaliknya ternyata dalam hadis-hadis di atas, ia boleh dibatalkan atas permintaan pihak perempuan.

Begitu juga seorang wali tidak seharusnya menghalang perkahwinan mana-mana orang di bawah jagaannya. Walaupun persetujuannya dianggap sebagai salah satu syarat sah perkahwinan, namun dia tidak seharusnya bertindak sebaliknya. Ini terbukti dari gesaan al-Qur'ān kepada para wali supaya tidak bersikap demikian. Firman Allah s.w.t. yang berbunyi:

فَلَا تُعْنِّهُنَّ أَن ينكحن أَزْواجهنَّ إِذَا ترَاضُوا بِيْنَهُمْ

البقرة : ٤٢٢

بالمعرف

Maksudnya:

"Maka janganlah kamu (para wali) menghalang mereka berkahwin lagi dengan bakal suaminya apabila telah terdapat

*kerelaan di antara mereka dengan cara
makruf."*

(al-Baqarah (2) : 232)

Menurut al-Jassās, firman Allah s.w.t.

" " memberi erti, Jangan kamu menghalang mereka, atau jangan kamu menyusahkan mereka dalam soal-soal perkahwinan.⁸⁸

Ayat di atas diturunkan dengan sebab keengganan seorang lelaki bernama Ma'qal bin Yasār mengahwinkan semula adik perempuannya dengan bekas suaminya yang bernama Abū al-Baddāh. Sedangkan mereka berdua telah bersetuju untuk kembali hidup bersama. Rasūlullah s.a.w. memanggil Ma'qil dan bersabda kepadanya: "Jika engkau seorang mukmin, janganlah engkau menghalang adik engkau dari kembali kepada bekas suaminya. Oleh kerana itu Ma'qal terus mengahwinkan adiknya itu dan berkata: "saya beriman dengan Allah s.w.t."⁸⁹

Begitulah pembelaan yang diberikan oleh undang-undang Islam terhadap hak-hak wanita dalam hal-hal sivil dan kekeluargaan. Menurut al-Syaykh Maḥmud Syaltūt, dalam hal-hal kekeluargaan dan urusan sivil tidak ada perbezaan kapasiti hukum dan undang-undang yang berdasarkan seks. Perempuan boleh menguruskan sendiri dengan sepenuh kuasa segala harta

bendanya. Mereka juga boleh ikut campur dalam segala aktiviti pengendalian, guaman, boleh menjadi pendakwa dan terdakwa, boleh menjadi saksi atau pihak tertuduh, samada secara sendirian atau secara kelompok, boleh menjadi pewasiat atau penerima wasiat, boleh menjadi nazir wakaf, ejen, pemegang gadai, penggadai, ahli syarikat, pemberi sedekah, pemberi hadiah, penerima sedakah atau hadiah, menjadi penjaga atau sebagainya mengikut apa yang boleh dilakukan oleh lelaki.⁹⁰

Kedudukan yang sama boleh dilihat dalam hal-hal mengenai keadilan jenayah. Dalam aspek ini kedudukan kaum wanita sama dengan kaum lelaki. Masing-masing diberi hak dan pembelaan secara saksama dan adil. Perbezaan seks antara mereka tidak menyebabkan undang-undang mengenainya terhalang atau tidak dilaksanakan. Terdapat banyak persamaan tersebut. Dalam jenayah mencuri Allah s.w.t. berfirman:

وَالسَّارِقُ وَالسَّارِقَةُ فَاقْطِعُوا أَيْدِيهِمَا جَزْءًا بِمَا كَسَبُوكُمْ لَا مِنْ
اللَّهِ . وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ
الآية ٢٨

Maksudnya:

"Lelaki yang mencuri dan perempuan yang mencuri, potonglah tangan keduanya (sebagai) pembalasan atas apa yang mereka kerjakan dan sebagai sanksi dari Allah. Dan Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana."

(al-Mā' idah 5: 38)

Ayat di atas dengan terang menyebut hukuman yang sama bagi pencuri lelaki dan perempuan. Mengenai jenayah zina Allah s.w.t. berfirman:

الزنية والزاني فاجلدوا كل واحد منهم مائة جملة

النور : ٢

Maksudnya :

"Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina maka sebatlah kedua mereka seratus kali sebatan."

(al-Nūr 24: 2)

Ayat ini juga secara jelas menyebut hukuman yang sama atas penzina lelaki dan perempuan, iaitu sebat seratus kali. Mengulas ayat di atas al-Qurtubī berkata: Allah s.w.t. menyebut secara khusus penzina perempuan dan penzina lelaki dengan lafaz "الزنية والزاني" sedangkan kalau disebut dengan lafaz "الزاني" iaitu penzina sahaja sudah merangkumi kedua-duanya sekali. Tujuan ia disebut begitu ialah sebagai menguatkan kedudukan mereka di hadapan undang-undang tersebut sebagaimana juga Allah s.w.t. menyebut secara khusus orang yang mencuri dengan lafaz "السارق والسارقة" yang bererti lelaki yang mencuri dan perempuan yang mencuri. Kemungkinan juga Allah s.w.t. menyebut secara

bergandingan begitu supaya tidak timbul anggapan bahawa oleh kerana orang lelaki sebenarnya yang melakukan persetubuhan "الواطئ" , sedangkan orang perempuan itu orang yang kena setubuh atau disetubahi (الموطئة) maka hukuman hudud ini tidak akan dikenakan ke atas orang perempuan. Jadi untuk mengelak anggapan seperti inilah maka Allah menyebut kedua-dua mereka sekali.⁹¹

Apa yang menarik di antara kedua ayat di atas iaitu ayat mengenai mencuri dan ayat mengenai zina ialah dalam ayat mencuri Allah s.w.t. mendahulukan dengan menyebut pencuri lelaki dan kemudiannya baru pencuri perempuan, manakala dalam ayat zina pula Allah s.w.t. menyebut penzina perempuan dahulu sebelum penzina lelaki (الزانية والزاف). Ini kerana perbuatan zina sebelum ayat ini diturunkan banyak berlaku di kalangan kaum perempuan. Mereka melakukan perbuatan tersebut secara terang-terangan. Ada juga yang menyatakan sebab didahulukan menyebut penzina perempuan itu kerana tujuan mereka berzina itu sungguh memalukan iaitu untuk mendapat anak. Malah ada pula yang mengatakan oleh kerana nafsu perempuan lebih kuat maka Allah s.w.t. menyebutnya demikian sebagai satu peringatan kepada mereka supaya mengawal nafsu agar tidak terjerumus dalam jenayah berkenaan.⁹²

Mengenai jenayah membunuh pula Allah s.w.t. berfirman:

وَكُتِبَ عَلَيْهِمْ فِيهَا نَفْسٌ بِالنَّفْسِ
الْمَائِدَةِ، ٤٥

Maksudnya :

"Dan kami telah tetapkan ke atas mereka di dalamnya (al-Tawrat) bahwasanya jiwa (dibalas) dengan jiwa."

(al-Mā'idah (5): 45)

Ayat di atas menjelaskan satu prinsip yang dipegang oleh undang-undang Islam mengenai jenayah membunuh, iaitu berdasarkan persamaan, samada pada nilai darah atau hukumannya. Ertinya dalam masalah ini jiwa akan dibalas dengan jiwa, tanpa melihat kepada subjek dalam objek jenayah berkenaan samada lelaki atau perempuan. Dalam menghuraikan ayat di atas, Ibn al-'Arabī berkata: "Seorang lelaki apabila membunuh seorang perempuan maka dia telah membunuh seorang yang sama taraf darah dengannya. Tidak ada apa-apa pertambahan untuknya. Keadaannya sama seperti dia membunuh seorang lelaki."⁹³

Kesimpulan

Walaupun pada hakikatnya Islam telah meletak kaum wanita pada taraf yang sama dengan kaum lelaki di dalam semua aspek perundangan dan pengadilannya, namun dalam aspek-aspek yang lebih khusus dan detail terdapat perbezaan di antara mereka. Perbezaan ini dapat dilihat terutama sekali pada beberapa bentuk pelaksanaan undang-undang itu sendiri serta pada cara ia dipraktikkan.

Wujudnya perbezaan seperti ini, tidak bererti Islam telah merendahkan taraf dan kedudukan kaum wanita. Ini kerana kedudukan mereka dalam syari'at Islam sangat jelas dan tidak dipertikaikan lagi sepetimana yang dihuraikan sebelum ini. Malah apa yang sebenarnya dimaksudkan oleh Islam dari perbezaan seperti ini ialah menghormati nilai-nilai yang berbeza dan sememangnya diakui sendiri oleh Islam. Nilai-nilai khusus wanita seperti memelihara aurat dan menjaga kehormatan diri sangat diberi penekanan oleh Islam sehingga ia turut memberi kesan hukum dan pelaksanaan undang-undang yang berbeza di antara kaum lelaki dan wanita.

Islam amat menekankan masalah penjagaan aurat dan mengawal batas-batas pergaulan antara lelaki dan wanita.

Firman Allah s.w.t:

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ قُلْ لِأَزْوَاجِكَ وَبِنَاتِكَ وَنِسَاءِ الْمُؤْمِنِينَ يَدِينِ

عَلَيْهِنَ مِنْ جَلَابِيبِهِنَّ ذَلِكَ أَدْنَى أَنْ يَعْرَفَنَ فَلَا يَؤْذِنَ

الْأَحْزَابِ ٥٩

Maksudnya:

"Wahai Nabi! Katakanlah kepada isteri-isterimu, anak-anak perempuan mu dan isteri-isteri orang mukmin; hendaklah mereka menghulurkan jilbabnya ke seluruh tubuh mereka. Yang demikian itu supaya mereka lebih mudah untuk dikenal kerana itu mereka tidak di ganggu."

(al-Ahzab 33: 59)

Ayat di atas menyuruh kaum wanita menutup aurat dengan pakaian yang tidak menampakkan kulitnya, kecuali kalau dia bersama dengan suaminya.⁹⁴ Mengenai bentuk pakaian yang menampakkan aurat ini, al-Qurtubi telah menyebut apa yang disebut oleh Abū Hurayrah dengan katanya:

الكاسيات العاريات الناعمات الشقيات

Maksudnya :

"*Perempuan yang berpakaian tetapi telanjang, lembut dan jahat.*"⁹⁵

Beliau juga telah membawa sabda Nabi s.a.w. yang berbunyi:

نَسَاءٌ كَاسِيَاتٌ عَارِيَاتٌ مَانِلَاتٌ مُمِيلَاتٌ رُؤُوسُهُنَّ
مُثْلِ انسَمَةِ الْبَغْثِ لَا يَدْخُلُنَّ الْجَنَّةَ وَلَا يَجِدُنَّ رِيحَهَا
رواه أحمد

Maksudnya :

"*Perempuan yang berpakaian tetapi telanjang melenggokkan kepala seperti unta. Mereka tidak akan masuk syurga dan tidak akan mencium baunya.*"

*(Hadis riwayat Ahmad)*⁹⁶

Menjelaskan hukum yang sama, Allah s.w.t. berfirman dalam ayat yang lain:

وقل للؤمّات يغضّن من أبصارهن ويحفظن فروجهن ولا
 يبدين زينتهن إلا ما ظهر منها ولايضرن بخمرهن على حيوهن
 ولا يبدّي^{زينتهن} إلا لبعولتهن أو أباً هن أو آباء، بعولتهن أو أباً هن
 أو أباً هن بعولتهن أو أخوانهن أو بني أخوانهن أو بني أخواتهن
 أو نساءهن أو ماملكت أيمانهن أو الاتابعهن غير أولي
 الأربة من الرجال أو الطفل الذين لم يظهر واعلى عورات النساء
 ولا يضرن بأرجلهن ليعلم ما يخفين من زينتهن

الفقرة ٣١

Maksudnya :

"Dan katakan kepada wanita yang beriman; hendaklah mereka menahan pandangannya dan memelihara kemaluannya dan janganlah mereka menampakkan perhiasannya kecuali yang (biasa) nampak daripadanya. Dan hendaklah mereka menutupkan tudang ke dadanya dan janganlah menampakkan perhiasannya kecuali kepada suami mereka atau ayah mereka atau ayah suami mereka atau putra-putra mereka dan putra-putra suami mereka atau saudara-saudara lelaki mereka atau putra-putra saudara lelaki mereka atau putra-putra saudara perempuan mereka atau wanita-wanita Islam atau budak-budak yang mereka miliki atau pelayan-pelayan lelaki yang tidak mempunyai keinginan (terhadap wanita) atau anak-anak yang belum mengerti tentang aurat wanita. Dan janganlah mereka memukulkan kaki mereka agar diketahui perhiasan yang mereka sembunyikan."

(al-Nūr (24) : 31)

Dalam ayat di atas Allah s.w.t. menyuruh kaum wanita supaya tidak menampakkan perhiasan mereka kecuali kepada mereka yang disebut oleh Allah s.w.t. Tujuannya untuk menjaga mereka dari segala fitnah. Walaupun dalam menentukan maksud sebenar firman Allah (الامانة) yang bererti: "Kecuali yang biasa nampak pada mereka" terdapat berbagai-bagai tafsiran, antaranya ada yang mengatakan pakaian sahaja, muka sahaja, muka dan tangan, muka, tangan dan pakaian dan ada juga yang mentafsirkan maksud perhiasan biasa dengan bercelak, berinai sehingga separuh tangan dan bercincin namun itulah batas-batas perhiasan yang dibenarkan kepada perempuan sejauh yang mereka faham dari maksud ayat di atas.⁹⁷

Walau apapun jua tafsiran yang dibuat oleh para mufasirin dalam masalah ini, yang jelasnya kaum wanita itu dituntut supaya menjaga aurat dan memelihara diri dan pandangan mata dari mereka yang tidak diharuskan oleh Allah s.w.t. Menurut al-Qurtubī, walaupun Allah s.w.t. tidak menyebut secara tepat apa yang boleh menjamin terpeliharanya pandangan mata dan kehormatan diri, namun ia boleh ditentukan mengikut adat dan kebiasaan.⁹⁸

Dengan itu, apa pun jua persoalan mengenai wanita dan kedudukan mereka samada dalam rumahtangga atau masyarakat yang melibatkan hukum dan undang-undang ia perlu dibatasi dengan batas-batas khusus dan nilai-nilai kewanitaan mereka sebagaimana yang ditetapkan oleh Allah s.w.t. Maka tidak hairanlah kalau terdapat dalam syari'at Islam pandangan-pandangan yang berbeza di kalangan umatnya mengenai kedudukan wanita dalam syari'at berkenaan dari aspek-aspek tertentu. Perbezaan seperti ini berlaku di sebabkan oleh pemahaman dan tanggapan mereka terhadap maksud sebenar batas-batas tersebut sejauh fahaman mereka mengenai ayat-ayat al-Qur'an dan hadis-hadis Rasūlullāh s.a.w. berkaitan dengan persoalan wanita. Hasilnya timbulah berbagai-bagi persoalan dan jawapan mengenai wanita yang akhirnya dijadikan isu oleh sesetengah pihak dan menuduh Islam sebagai tidak memberi hak sama kepada kaum wanita.

Memang benar, dalam syari'at Islam terhadap beberapa aspek di mana hak dan kedudukan wanita berbeza dari kaum lelaki dari sudut pelaksanaan undang-undangnya. Ini dapat dilihat antara lain dalam hal-hal mengenai harta pusaka sebagaimana yang telah dihuraikan sebelum ini, kesaksian dan hal-hal mengenai keadilan jenayah secara yang lebih khusus dan detail.

Dalam hal mengenai kesaksian Allah s.w.t. berfirman:

وَاسْتَشْهِدُوا شَهِيدَيْنِ مِنْ رِجَالِكُمْ فَإِنْ لَمْ يَكُونَا رِجَلَيْنِ
فَرَجُلٌ وَامْرَأَتَانِ مِنْ تَرْضُونَ مِنَ الشَّهِداءِ أَنْ تَضْلِلَ إِحْدَاهُنَّا
فَتَذَكَّرَ إِحْدَاهُنَّا الْأُخْرَى

البقرة ٢٨٩

Maksudnya :

"Dan persaksikanlah dengan dua orang saksi dari orang-orang lelaki (diantara mu). Jika tidak ada dua orang lelaki, maka (boleh seorang lelaki dan dua orang perempuan dari saksi-saksi yang kamu redai; supaya jika yang seorang lupa maka seorang lagi mengingatkannya.)"

(al-Baqarah 2: 282)

Berbagai-bagai pentafsiran diberikan mengenai ayat di atas. Apa yang jelasnya ialah kesaksian wanita diterima dalam keadaan separuh dari saksi lelaki. Atau dalam perkataan lain ialah dua orang saksi perempuan menyamai seorang saksi lelaki. Adapun mengapa keadaannya demikian, berbagai-bagai jawapan juga diberikan oleh para ahli tafsir. Sayyid Qutb dalam memberi alasannya berkata: "Sesungguhnya *nas* di atas tidak membiarkan kita membuat anggapan sendiri, kerana dalam aspek perundangan setiap maksud *nas* adalah terhad dan jelas. Apa yang dimaksudkan oleh Allah s.w.t. dari firmannya (أن تضل إحداهن فتذكرة إحداهن الأخرى)

yang bererti "Jika yang seorang lupa maka seorang lagi mengingkatinya." Lupa di sini mungkin boleh berlaku dengan beberapa sebab. Antaranya ialah kurangnya pengalaman wanita dalam hal-hal mengenai kontrak atau akad, yang boleh menyebabkan dia tidak begitu halusi dan teliti. Maka dalam keadaan begini dia memerlukan rakan yang lain untuk mengingatkannya. Atau mungkin disebabkan oleh tabiat kaum wanita yang cepat bertindak sepetimana yang biasa dilihat keadaannya ketika menghadapi masalah dengan anak-anaknya tanpa banyak berfikir panjang. Sedangkan untuk melaksanakan soal-soal yang berkaitan dengan mu'amalat seperti memberi persaksian atas sesuatu 'akad atau kontrak memerlukan suatu sikap atau tindak balas yang berhati-hati dan tidak terpengaruh dengan emosi atau perasaan. Maka adanya seorang perempuan lain bersamanya adalah sebagai suatu jaminan yang dapat memperingatkan dia sekiranya dia sudah tergelincir bersama perasaannya.⁹⁹

et tujuh

Kata Syaykh Muḥammad al-Ghazālī pula:

"Sesungguhnya saya telah mengkaji masalah ini dan saya dapati bahawa kaum wanita pada setiap bulan akan didatangi darah ḥayd yang menjadikannya seperti seorang yang sakit. Begitu juga saya dapati segala gangguan saraf dan perasaan yang dihadapinya boleh menyebabkan dia tidak tegas dan tidak tetap pendirian. Sedangkan

untuk memberi persaksian sikap teguh dan tetap ini adalah suatu perkara yang wajib.¹⁰⁰

Manakala Dr. Muṣṭafa al-Sibā'ī pula memberi pandangan dengan berkata: "Berlakunya perbezaan taraf saksi antara lelaki dan perempuan tidak ada kaitannya dengan soal persamaan nilai kemanusiaan antara kedua mereka, juga tidak ada kaitannya dengan soal kemuliaan dan kelayakan atau kapasiti masing-masing. Kedua mereka diiktiraf oleh Islam mempunyai persamaan dari segi insaniyah atau kemanusiaan, kemuliaan dan kemampuan untuk memikul tanggungjawab yang berkaitan dengan soal-soal kehartaan. Syarat dua orang saksi perempuan di samping seorang saksi lelaki adalah diluar dari persoalan mengenai kehormatan atau kemuliaan diri perempuan. Apa yang kita dapati bahawa persaksian wanita dalam hal-hal kehartaan jarang berlaku. Ini kerana dalam Islam, walaupun keharusan diberi kepada kaum wanita mengurus harta, namun tugas kemasyarakatannya lebih kepada soal-soal yang berkaitan dengan kekeluargaan. Jadi apabila dia diminta atau datang ke mahkamah untuk menjadi saksi di hadapan hakim maka kemungkinan dia terlupa atau tersilap. Jadi apabila ada seorang perempuan lain di sampingnya maka segala kemungkinan itu tidak akan berlaku."¹⁰¹

Walau apapun juga alasan yang diberikan, secara umumnya kesemuanya bersetuju mengatakan, kesaksian wanita boleh diterima. Ketika menghuraikan ayat di atas berhubung dengan masalah ini Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī menyebut Ibn al-Mundzir sebagai berkata: "Telah sepakat ulamā' menerima zahir ayat di atas. Mereka mengharuskan wanita menjadi saksi bersama lelaki."¹⁰² Cuma persoalannya sejauhmanakah penerimaan atau keharusan yang diberikan oleh mereka terhadap kesaksian wanita. Apakah ia diterima dalam segala kes yang memerlukan persaksian atau dalam setengah-tengah kes sahaja?

Mengulas lebih lanjut firman Allah s.w.t. yang berbunyi:

فَإِنْ لَمْ يَكُونَا رَجُلٌ فَرِجْلٌ وَامْرَأَتَانِ

Maksudnya:

"Jika tidak ada dua orang lelaki maka (boleh) seorang lelaki dan dua orang perempuan."

Menurut al-Qurtubī, "Allah s.w.t. hanya menyebut keharusan dua orang saksi perempuan bersama seorang saksi lelaki dalam ayat di atas sahaja dan tidak menyebutnya dalam ayat-ayat lain. Jika berdasarkan kedudukan ini, kesaksian dua orang wanita hanya

boleh diterima dalam masalah yang berkaitan kehartaan sahaja. Itupun dengan syarat ada seorang saksi lelaki bersamanya. Ini merupakan pendapat jūmhur ulamā'. Begitu juga kesaksian mereka diterima secara tersendiri tanpa memerlukan gandingan saksi lelaki dalam masalah-masalah khusus mengenai wanita yang tidak boleh dilihat oleh kaum lelaki, seperti bersalin, menentukan dara perempuan atau kecacatan-kecacatan yang berkaitan dengan perempuan.¹⁰³

Begitu juga al-Imām Ibn Ḥajar al-`Asqalānī telah membawa beberapa pandangan 'ulamā' berhubung dengan ayat di atas. Katanya: "Majoriti 'ulamā' mengkhususkan maksud ayat tersebut kepada hal-hal yang berkaitan dengan hutang dan harta. Oleh sebab itu mereka tidak mengharuskan kesaksian wanita dalam hal-hal mengenai perkahwinan dan perceraian serta menentukan keturunan atau nasab. Mereka juga bersetuju menerima kesaksian wanita dalam hal-hal khusus mengenai wanita yang tidak boleh dilihat oleh lelaki seperti darah ḥayd, bersalin dan kecacatan-kecacatan wanita."¹⁰⁴

Dalam menjelaskan alasan kepada semua pandangan tersebut al-`Asqalānī telah menyebut Abū `Ubayd sebagai berkata: "Mereka sepakat menerima kesaksian wanita dalam hal-hal mengenai harta berdasarkan ayat di atas, dan bersepakat juga tidak menerima kesaksian mereka

dalam hal-hal mengenai **hudūd** dan **qisās** berdasarkan firman Allah s.w.t. yang berbunyi:

النور ٤

ثُمَّ لَمْ يَأْتُوا بِأَرْبَعَةٍ شَهِيداً

Maksudnya:

"Kemudian mereka tidak membawa empat orang saksi."

(al-Nur (24): 4)

Mereka berselisih pendapat dalam hal-hal mengenai perkahwinan dan perceraian kerana sebahagian mereka mengatakan hal-hal tersebut berkaitan juga dengan harta seperti nafaqah, maskahwin dan sebagainya, lalu mereka berpendapat kesaksian wanita boleh diterima. Ada juga yang mengatakan sebaliknya kerana ia berkaitan soal-soal kehormatan diri dan hampir sama dengan **hudūd**.¹⁰⁵

Walau apapun juga pandangan yang diberikan oleh para ulamā' mengenai kesaksian wanita, kesemuanya adalah berpunca dari pentafsiran mereka yang berbeza terhadap nash-nash berkaitan dengannya, seperti ayat di atas, dan maksud sebenar hadis Nabi s.a.w. yang berbunyi:

عَنْ أَبِي سَعِيدِ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ أَلَيْسْ شَهادَةُ الْمَرْأَةِ مِثْلُ نَصْفِ شَهادَةِ الرَّجُلِ؟ قَلْتُ بَلِي قَالَ فَذَلِكَ مِنْ نَقْصَانِ عَقْلِهَا
رواه البخاري

Maksudnya:

"Dari Abū Sa'īd al-Khudrī r.a. dari Nabi s.a.w. bahawa baginda telah bersabda: Tidakkah kesaksian wanita menyamai separuh kesaksian lelaki. Jawab mereka: Ya! Sabda baginda: Yang demikian itu disebabkan oleh kurang akalnya."

(Hadis riwayat al-Bukhārī)¹⁰⁶

Perbezaan pendapat seperti itu juga berlaku dalam hal-hal mengenai keadilan jenayah, walaupun pada umumnya para ulamā' bersetuju mengatakan bahawa lelaki dan wanita sama saja di hadapan pengadilan. Mereka sama-sama akan dipertanggungjawabkan dengan setiap apa yang mereka lakukan samada kebaikan atau kejahatan, sebagaimana dihuraikan sebelum ini. Namun begitu dalam beberapa pelaksanaan undang-undang mengenainya terdapat aspek-aspek yang berbeza antara keduanya. Dalam masalah pembayaran **diyat** dan ganti rugi jenayah perbezaan pendapat juga berlaku. Ini juga disebabkan oleh perbezaan mereka dalam memahami **nas-nas** yang berkaitan dengannya.

Begitulah kedudukan wanita secara umum dalam syari'at Islam. Walaupun pada prinsipnya mereka dikatakan mempunyai kedudukan yang sama dengan lelaki, namun dari beberapa aspek dan dalam hal-hal yang lebih khusus dan detail kedudukan mereka berbeza pada pandangan ahli hukum dan undang-undang, sejauhmana perbezaan mereka dalam memahami naṣ-nas yang berkenaan dengannya samada dari al-Qur'ān atau al-Sunnah.

Walau bagaimanapun kesemua persoalan mengenai kedudukan wanita tidak akan diuraikan secara detail dari semua sudut dan aspek dalam kajian yang terbatas ini. Cuma apa yang dimaksudkan dari pendedahan secara umum mengenai kedudukan wanita dalam syari'at Islam dalam bab ini adalah sebagai landasan kepada kajian lanjut yang dipilih secara yang lebih spesifik aspek dan skopnya. Ia adalah mengenai kedudukan atau status wanita dalam undang-undang jenayah Islam.

NOTA BAB

1. Lihat misalnya huraiān-huraian dalam: al-Āmidi, *al-Ihkām Fī 'Usūl al-Ahkām*, Beirūt: Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah, jld. 3, Ibn Hazm, *al-Ihkām Fī 'Usūl al-Ahkām*, Kaherah: Matba'at al-Āsimah (t.t), jld. 3 & 4; al-Syātibī, *al-Muwāfaqāt*, Kaherah, Muhammad 'Ali Subayh, 1969, jld. 3 & 4.
2. Kamus Dewan ed. baru 1985.
3. *Al-Munjid*, Dār al-Masyriq, cet. 20.
4. Ibn Manzūr, *Lisān al-'Arab*, Beirūt: Dār al-Fikr, ed. 1, 1990.
5. Ibid.
6. *Al-Munjid*, op.cit.
7. Ibn Manzūr, op.cit., jld. 15.
8. *Al-Munjid*, op.cit.
9. Ibn al-'Arabī, *Ahkām al-Qur'ān*, Beirūt: Dār al-Ma'rifah, jld. 1, ms. 415.
10. Lihat: al-Qurtubī, *al-Jāmi' Li Ahkām al-Qur'ān*, Beirūt: Dār al-Fikr, ed. 1, 1987, jld. 5, ms. 164.
11. Ibid., ms. 162.
12. Lihat: al-Qurtubī, op.cit., jld. 5, ms. 403; al-Jassās, *Ahkām al-Qur'ān*, Beirūt: Dār al-Fikr (t.t), jld. 2, ms. 398.
13. Sayyid Qutb, *Fī Zilāl al-Qur'ān*, Beirūt: Dār al-Syurūq (t.t), jld. 2, ms. 769.
14. Al-Suyūtī, *Sunan al-Nasā'ī*, Beirūt: Dār al-Ma'rifah, ed. 2, 1992, jld. 6, ms. 377.
15. Ibid.
16. Ibid., ms. 376.

17. Ibid.
18. Ibid.
19. Al-Sijistānī, *Sunan Abī Dā'ūd*, Beirut: Dār al-Jinān, ed. 1, 1988, jld. 2, ms. 759.
20. Al-Qurtubī, op.cit., jld. 5, ms. 1.
21. Al-Qur'ān al-Karīm.
22. Al-Qurtubī, op.cit., jld. 5, ms. 2
23. Sayyid Qutb, op.cit., jld. 1, ms. 574.
24. Ibid.
25. Lihat: Ahmad Ibn Hanbal, *Musnad*, Beirut: Dār al-Fikr (t.t), jld. 6; ms. 256.
26. Ibn Hajar al-'Asqalānī, *Fath al-Bārī*, Beirut: Dār al-Fikr, 1991, jld. 2, ms. 4.
27. Ibid.
28. Lihat tafsiran sepenuh ayat tersebut dalam Sayyid Qutb, op.cit., jld. 2, ms. 762, al-Qurtubī, op.cit., jld. 5, ms. 399.
29. Sayyid Qutb, Ibid., jld. 4, ms. 2193.
30. Al-Qurtubī, op.cit., jld. 5, ms. 164.
31. Al-'Asqalānī, op.cit., jld. 1, ms. 137.
32. Ibid.
33. Al-Qurtubī, op.cit., jld. 18, ms. 201.
34. Ibid. ms. 202.
35. Lihat huraian-huraian mengenai ayat tersebut dalam: al-Qurtubī, Ibid., jld. 18, ms. 202-203.
36. Ibn Mājah, *Sunan*, Kaherah: Dār al-Hadīth (t.t), jld. 1, ms. 81. *al-Qāhīyah*
37. Mustafā al-Sibā'ī, *al-Mar'ah Bayn al-Fiqh Wa al-Qaṣūn*, al-Maktab al-Islāmī, ed. 4, 1975, ms. 29.
38. Ibid.

39. Mahmūd Syaltūt, *al-Islām 'Aqīdah Wa Syarī'ah*, Beirut: Dār al-Syurūq, ed. 6, 1972, ms. 249.
40. Lihat huraian-huraian mengenai ayat berkenaan dalam al-Qurtubī, op.cit., jld. 11, ms. 250 dan jld. 14, ms. 338; Sayyid Qutb, op.cit., jld. 4, ms. 2353 dan jld. 5, ms. 2939.
41. Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, op.cit., jld. 1, ms. 215.
42. Lihat: Muhammad 'Izzah Wazūrah, *al-Dustūr al-Qur'ānī*, Dār Iḥyā al-Kutub al-'Arabiyyah (t.t), ms. 75.
43. Al-'Asqalānī, op.cit., jld. 10, ms. 157.
44. Ibid. jld. 3, ms. 264.
45. Lihat huraian-huraian mengenai masalah ini dalam: al-Maudūdī, *al-Hijāb*, Beirut: Dār al-Fikr, ms. 243-244, 'Alī Abd al-Wāhid Wāfi, *al-Musāwāh Fi al-Islām*, Mesir: Dār al-Ma'ārif, ms. 46-49.
46. 'Alī Abd al-Wāhid Wāfi, Ibid., ms. 49.
47. Al-Jassās, *Ahkām al-Qur'ān*, Beirut: Dār al-Fikr, 1993, jld. 2, ms. 159.
48. Lihat: Ibid., jld. 2, ms. 159, Sayyid Qutb, op.cit., jld. 1, ms. 606.
49. Mahmūd Syaltūt, op.cit., ms. 253.
50. Al-Qurtubī, op.cit., jld. 5, ms. 46.
51. Ibid.
52. Antaranya ayat 11 dan 176 dalam surah al-Nisā' (4).
53. Lihat huraian-huraian mengenai persoalan di atas dalam Muṣṭafā al-Sibā'ī, op.cit., ms. 33-35, 'Alī Abd al-Wāhid Wāfi, op.cit., ms. 45-46, Mahmūd Syaltūt, op.cit., ms. 258-260, al-Maudūdī, op.cit., ms. 241-242.
54. Muṣṭafā al-Sibā'ī, Ibid., ms. 36.
55. Sayyid Qutb, op.cit., jld. 1, ms. 574-575.

56. Lihat huraihan-huraian mengenai ayat ini dalam: al-Qurtubī, op.cit., jld. 16, ms. 342, Sayyid Qutb, Ibid., jld. 6, ms. 3348.
57. Nur al-Din 'Atar, *Mādza 'An al-Mar'ah*, Beirut: Dār al-Fikr, 1988, ms. 103.
58. *Al-Jāmi' Li Ahkām al-Qur'ān*, jld. 3, ms. 123.
59. *Tafsīr al-Tabarī*, jld. 2, ms. 275.
60. Rāsyid Ridā, *Tafsīr al-Manār*, Kaherah, al-Hay'at al-Misriyyah al-Āmmah Li al-Kitab, 1972, jld. 2, ms. 380.
61. Ibid. ms. 375
62. Ibn al-'Arabī, *Ahkām al-Qur'ān*, Beirut: Dār al-Ma'rifah (t.t), jld. 1, ms. 188.
63. Ibid.
64. Al-Jassās, *Ahkām al-Qur'ān*, jld. 1, ms. 513.
65. Al-Zamakhsyari, *al-Kasyṣyāf*, jld. 2, ms. 278.
66. Fu'ād 'Abd al-Mun'im Ahmad, *Mabda' al-Musāwāh Fī al-Islām*, Iskandariyyah: Muassasat al-Thaqāfat al-Jāmi'iyyah, 1972, ms. 196.
67. Muhammad bin Sālim bin Husayn al-Babhānī, *Ustādz al-Mar'ah*, Dār Misr Li al-Tibā'ah, (t.t), ms. 56.
68. Lihat: Fu'ād 'Abd al-Mun'im, op.cit., ms. 199; Muhammad Sa'īd Ramadān al-Būti, *al-'Awdah Ilā al-Islām*, Muassasat al-Risālah, ed. 5, 1985, ms. 165.
69. Lihat huraihan-huraian lanjut dalam: Fu'ād 'Abd al-Mun'im, op.cit., ms. 301.
70. Lihat: al-Qurtubī, op.cit., jld. 17, ms. 270; Sayyid Qutb, op.cit., jld. 6, ms. 3505, al-Jassās, op.cit., jld. 3, ms. 624.
71. Al-Qurtubī, Ibid.
72. Ibn Hajar al-'Asqalānī, op.cit., jld. 10. ms. 317.
73. Al-Qurtubī, op.cit., jld. 14, ms. 179.

74. Al-'Asqalānī, op.cit., jld. 2, ms. 247.
75. Lihat huraian-huraian lanjut mengenainya dalam: Sayyid Qutb, op.cit., jld. 5, ms. 2859-2860.
76. Muhammad al-Ghazālī, *al-Sunnah al-Nabawiyyah Bayn Ahl al-Fiqh Wa Ahl al-Hadīth*, Beirūt: Dār al-Syurūq, ed. 4, 1989, ms. 44.
77. 'Alī Abd. al-Wāhid Wāfi, op.cit., ms. 60.
78. Al-Qurtubī, op.cit., jld. 12, ms. 222.
79. Lihat huraian-huraian mengenainya dalam: al-Maudūdī, op.cit., Beirūt: Dār al-Fikr, ms. 326, al-Babhānī, op.cit., ms. 60-61, 'Alī 'Abd al-Wāhid Wāfi, op.cit., ms. 50.
80. Al-'Asqalānī, op.cit., jld. 6, ms. 173.
81. Sayyid Qutb, op.cit., jld. 5, ms. 2860.
82. Al-Jassās, op.cit., jld. 1, ms. 533.
83. 'Alī Abd. al-Wāhid Wāfi, op.cit., ms. 45.
84. Al-Qurtubī, op.cit., jld. 5, ms. 23.
85. Ibid., ms. 24.
86. Al-Syawkānī, *Nayl al-Autār*, jld. 6, ms. 252.
87. Al-'Asqalānī, op.cit., jld. 10. ms. 244.
88. Al-Jassās, op.cit., jld. 1, ms. 545.
89. Al-Qurtubī, op.cit., jld. 3, ms. 158.
90. Mahmūd Syaltūt, *Min Hady al-Qur'ān*, ms. 308.
91. Al-Qurtubī, op.cit., jld. 12, ms. 160.
92. Ibid.
93. Ibn al-'Arabī, op.cit., jld. 2, ms. 727.
94. Lihat huraian-huriannya dalam: al-Qurtubī, op.cit., jld. 12, ms. 242.
95. Ibid., ms. 244.

96. Hadis riwayat al-Imām Ahmad Lihat: Ahmad Ibn Hanbal, *Musnād*, Beirut: Dār al-Fikr (t.t), jld. 2, ms. 440.
97. Lihat huraian-huraianya dalam al-Qurtubī, op.cit., jld. 12, ms. 228-229.
98. Al-Qurtubī, Ibid., jld. 12, ms. 222.
99. Sayyid Qutb, op.cit., jld. 1, ms. 336.
100. Muḥammad al-Ghazālī, op.cit., ms. 58.
101. Muṣṭafā al-Sibā'ī, op.cit., ms. 31.
102. Ibn Ḥajar al-`Asqalānī, op.cit., jld. 5, ms. 597.
103. Al-Qurtubī, op.cit., jld.3, ms. 391.
104. Al-`Asqalānī, op.cit., jld. 5, ms. 597.
105. Ibid.
106. Ibid.